

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN 80 KALI KHATAM BUKA TIRAI



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
 Foto : Mohammad Hatral Hazmi  
 Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 bagi Tahun 2026, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut - penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

>> Muka 5

**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Behormat Menteri Pendidikan, dan Yang Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu-tetamu kehormat bersama pada majlis berkenaan.



## Berita Utama



**PERKUKUH** amalan pengajaran pertanian di kalangan guru

Muka 7



**MENEROKA** penggunaan teknologi AI secara bertanggungjawab, beretika

Muka 9



**TAKLIMAT** Kenegaraan di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali

Muka 13



**HAPUSKAN** stigma, raikan individu autisme

Muka 20

## Memperkuh komitmen pastikan kebajikan individu autistik terjaga

Siaran Akhbar :  
 Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Pada setiap 2 April, Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama masyarakat antarabangsa memperingati Hari Kesedaran Autisme Sedunia, sebagai satu platform penting untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap autisme.

Sambutan ini bukan sahaja bertujuan untuk mendidik masyarakat, malah untuk memperkuhkan lagi komitmen kita dalam memastikan kebajikan individu autistik sentiasa terjaga.

Tema bagi tahun 2026, 'Autisme dan Kemanusiaan - Setiap Nyawa Mempunyai Nilai', membawa mesej yang amat mendalam dan signifikan.

Ia menegaskan bahawa setiap individu autistik mempunyai nilai, potensi dan maruah yang setara dengan individu lain serta berhak untuk hidup dalam sebuah masyarakat yang inklusif, penyayang dan menghormati kepelbagaian.

>> Muka 4

## Sokong nilai kerja sosial, pupuk keharmonian dalam masyarakat

Oleh : Khartini Hamir

**JERUDONG**, Khamis, 2 April. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) pagi tadi menganjurkan Hari Kerja Sosial Sedunia bagi meraikan para pekerja sosial yang tidak kenal penat lelah dalam menyokong komuniti, khususnya mereka yang memerlukan.

Sambutan tahun ini membawa tema global 'Membina Bersama Harapan dan Keharmonian: Seruan Harambee untuk Menyatukan Masyarakat yang Berpecah', mencerminkan komitmen JPMC dalam memupuk sifat belas ihsan,

perpaduan dan khidmat kepada masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, dalam kapasiti sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Pendidikan Ugama JPMC, Awang Amir Ridzuan bin Haji Tengah.

>> Muka 3

## Permulaan tempoh peralihan monsun NBD

Siaran Akhbar :  
 Jabatan Kajuca Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Negara Brunei Darussalam sudah mula memasuki tempoh peralihan monsun, iaitu satu tempoh peralihan selepas Monsun Timur Laut dan sebelum memasuki Monsun Barat Daya.

Tempoh peralihan monsun ini dijangka akan berterusan sehingga penghujung Mei 2026.

Sepanjang tempoh peralihan monsun ini,

kesan angin tempatan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cuaca harian negara kita. Berdasarkan rekod klimatologi, kekerapan kejadian ribut petir adalah kedua tertinggi semasa tempoh monsun peralihan ini.

Manakala purata hari-hari berhujan bagi April adalah 16 hari dan bagi Mei ialah 18 hari.

>> Muka 3



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan hadir pada Majlis Rumah Terbuka sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong (atas). Manakala gambar bawah dan kanan, antara yang pada majlis tersebut.



# Gleneagles JPMC memperkukuh hubungan dengan pihak berkepentingan



**JERUDONG**, Rabu, 1 April. - Gleneagles JPMC hari ini mengadakan Majlis Rumah Terbuka sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang

**Oleh :** Marlinawaty Hussin  
**Foto :** Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; serta Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Kira-kira 500 tetamu menghadiri majlis berkenaan yang terdiri daripada pegawai - pegawai kerajaan, duta-duta, pihak-pihak berkepentingan korporat dan para

kakitangan Gleneagles JPMC. Majlis berkenaan dihoskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay bagi pihak Gleneagles JPMC dan pasukan pengurusan Gleneagles JPMC.

Majlis dianjurkan bertujuan bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri serta memperkukuh hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan dan kakitangan.

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	SABTU	15	4.51	5.01	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
5	AHAD	16	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
6	ISNIN	17	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.27	6.28	7.38
7	SELASA	18	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
8	RABU	19	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	KHAMIS	20	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	JUMAAT	21	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 31 25 °C	31 24 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	31 24 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong 31 25 °C	30 24 °C	31 25 °C	
Kuala Belait 31 26 °C	31 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

4 APRIL 2026

### Berbuat baik sesama insan

**D**ALAM arus kehidupan yang sibuk dan penuh cabaran, Islam hadir sebagai cahaya yang menuntut umatnya agar sentiasa berbuat baik kepada sesama insan. Perkara ini bukan sekadar nasihat, tetapi perintah yang jelas daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam surah An-Nahl ayat 90, tafsirnya : "Sesungguhnya Allah memerintahkan supaya kamu berlaku adil dan berbuat kebaikan serta membantu dan mengukuhkan silaturahim kepada kaum kerabat, dan Allah melarang daripada perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan".

Agama Islam mengajar umatnya supaya menanamkan dalam jiwa mereka sifat-sifat *mahmudah* (terpuji) seperti berbuat baik, prihatin, pemedulian, bertolak ansur, bekerjasama, berkasih sayang dan memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan dan sebagainya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis Riwayat Al-Imam Muslim. Maksudnya: "Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata : sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : dan Allah Subhanahu Wata'ala menolong hambanya selama mana hamba itu mahu menolong saudaranya". (Riwayat al-Imam Muslim).

Berbuat baik dalam Islam mempunyai skop yang sangat luas. Ia bermula dari senyuman yang dianggap sedekah, membantu mengangkat barang dari jalan raya, melawat orang sakit, menziarahi saudara, sehingga memberi makan kepada golongan miskin dan anak yatim. Islam juga mengajar bahawa menahan diri daripada menyakiti orang lain adalah sebahagian daripada kebaikan. Bahkan, memperlakukan haiwan dengan belas kasihan pun mendapat pahala.

Keistimewaan ajaran ini terletak pada balasannya yang berganda. Allah menjanjikan ganjaran syurga bagi mereka yang konsisten berbuat baik. Surah Ar-Rahman yang merupakan surah ke-55 dalam Al-Quran, menggambarkan sifat Allah sebagai Ar-Rahman, iaitu 'Maha Pengasih', menerangkan tentang kemurahan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya, iaitu dengan memberikan nikmat-nikmat yang tidak terhingga baik di dunia mahupun di akhirat nanti. Ayat yang diulang sebanyak 31 kali dalam surah ini, tafsirnya, 'Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?'. Ini mengingatkan kita untuk sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang diberikan Allah kepada kita. Ia menjadi peringatan bahawa setiap kebaikan yang kita lakukan sebenarnya adalah peluang untuk mensyukuri nikmat Allah dengan cara yang nyata.

Di dunia moden yang penuh tekanan, nilai berbuat baik semakin terhakis. Islam mengingatkan kita tentang sifat kemanusiaan agar setiap individu bertanggungjawab dalam membantu dan berbuat baik kepada orang lain. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

# SOKONG NILAI KERJA SOSIAL, PUPUK KEHARMONIAN DALAM MASYARAKAT



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam kapasiti sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Hari Kerja Sosial Sedunia anjuran JPMC.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

## >> Muka 1

Seterusnya ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan Am, JPMC, Dr. Muhd. Hiza Wardy bin Haji Abdul Halim, yang menekankan peranan penting kerja sosial dalam merapatkan jurang dan menyemai nilai keprihatinan.

Para hadirin kemudian menyaksikan tayangan video menentang perspektif kerja sosial daripada sudut pandangan kakitangan dan pesakit, sekali gus memberi gambaran tentang makna sebenar berkhidmat untuk orang lain.

Acara diteruskan dengan

ceramah bertajuk 'Kembali kepada Kesucian: Menghidupkan Semula Nilai Ihsan dalam Penjagaan dan Perkhidmatan' yang disampaikan oleh Pegawai Pembangunan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Sijil penghargaan turut disampaikan kepada para penaja dan vendor sebagai tanda pengiktirafan atas sokongan mereka, manakala hamper Hari Raya diagihkan kepada pesakit sebagai tanda keprihatinan dan muhibah.

Seiring berakhirnya program, JPMC menegaskan semula komitmennya untuk menyokong nilai kerja sosial dan memupuk keharmonian dalam masyarakat.

## Permulaan tempoh peralihan monsun NBD

Siaran Akhbar : Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam

### >> Muka 1

Sepanjang tempoh ini negara kita pada lazimnya mengalami keadaan cuaca cerah pada waktu pagi dan hujan berasingan berkemungkinan berlaku di kawasan pesisiran sekitar tengahari; Kejadian ribut petir terutamanya berlaku di kawasan pedalaman pada sebelah petang dan merebak serta menjejaskan kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam, dan kadangkala berlanjutan sehingga awal pagi keesokan hari; Keadaan angin bertiup perlahan dari pelbagai hala pada waktu pagi dan malam, dan dari arah Barat Laut dengan kelajuan angin antara 10 hingga 30 kilometer/sejam pada waktu petang; dan Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit.

Walau bagaimanapun, berdasarkan model ramalan iklim daripada pusat-pusat iklim antarabangsa, cuaca negara kita diramal akan mengalami pengurangan jumlah aktiviti dan turunan hujan pada tempoh peralihan monsun ini.

Peningkatan suhu udara maksima harian juga dijangka boleh mencecah 34 darjah Celsius atau lebih pada waktu siang semasa tempoh ini.

Berikut adalah ramalan dan anggaran jumlah turunan hujan bermusim bagi April 2026 hingga Mei 2026 iaitu bagi bulan April 2026 ramalan tinjauan bermusim bawah normal dan anggaran jumlah turunan hujan adalah 140 milimeter (mm).

Manakala bagi bulan Mei 2026, ramalan tinjauan bermusim bawah normal dan anggaran jumlah turunan hujan adalah 160mm.

Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini dan sahih boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn) atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram dan WhatsApp kami (Brunei Weather).

**كمنترين كصيحتن**  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## Selamatkan Usus Awda.

### Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA, GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.

SEAT BELTS CAN SAVE LIVES, ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.

Road Safety Depends on #YouAndMe

AWASI KELAJUAN, BERI PERHATIAN KEPADA JALAN RAYA.

WATCH YOUR SPEED, WATCH THE ROAD.

Road Safety Depends on #YouAndMe

# MEMPERKUKUH KOMITMEN PASTIKAN KEBAJIKAN INDIVIDU AUTISTIK TERJAGA

## >> Muka 1

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia 2026.

Tema ini juga mengingatkan kita bahawa kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui pembangunan fizikal dan ekonomi tetapi juga melalui sejauh mana kita menghargai dan melindungi golongan yang memerlukan sokongan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, autisme atau Autism Spectrum Disorder, merupakan satu keadaan perkembangan neurologi yang mempengaruhi cara seseorang berfikir, berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain.

Individu autistik, kata Yang Berhormat, mungkin menghadapi cabaran dalam komunikasi dan interaksi sosial, menunjukkan tingkah laku berulang serta mempunyai sensitiviti terhadap rangsangan deria seperti bunyi, cahaya dan sentuhan.

Namun demikian, autisme adalah satu spektrum yang luas, di mana setiap individu mempunyai keunikan, kebolehan dan keperluan yang berbeza. Justeru, pendekatan yang bersifat individu dan berfokus kepada kekuatan masing-masing adalah amat penting. Secara global jelas Yang Berhormat lagi, dianggarkan satu daripada seratus kanak-kanak berada dalam spektrum autisme.

"Di NBD pula, seramai 490 kanak-kanak telah didiagnosis dengan autisme pada tahun 2025, berbanding 272 kanak-kanak pada tahun 2024. Peningkatan ini mencerminkan tahap kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan ibu bapa, pendidik dan masyarakat, di samping keberkesanan usaha pengesanan awal melalui perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, peningkatan ini juga menuntut

pendekatan yang lebih menyeluruh, tersusun dan bersepadu dalam menangani keperluan individu autistik.

Ini termasuk memperkukuhkan sistem kesihatan melalui pengesanan awal perkembangan kanak-kanak, menyediakan intervensi yang berkesan dan berasaskan bukti serta memperluaskan akses kepada pendidikan khas dan sokongan sosial yang komprehensif.

Tambah Yang Berhormat, intervensi awal khususnya dalam tahun-tahun pertama kehidupan, adalah amat penting dalam membantu perkembangan komunikasi, kemahiran sosial dan keupayaan fungsi harian kanak-kanak autistik. Dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menegaskan peranan ibu bapa dan penjaga adalah amat penting.

"Mereka ini merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak dan sering menjadi pihak pertama yang mengenal pasti sebarang kelewatan perkembangan.

"Oleh itu, ibu bapa adalah disarankan untuk mendapatkan nasihat daripada profesional kesihatan dengan segera sekiranya terdapat sebarang kebimbangan terhadap anak mereka," terangnya.

Walaupun perjalanan ini mungkin mencabar dari segi emosi, fizikal dan sosial, komitmen, kesabaran dan kasih sayang yang berterusan daripada ibu bapa adalah asas utama dalam membantu anak-anak mencapai potensi mereka sepenuhnya. Jelas Yang Berhormat lagi, di sebalik setiap individu autistik, terdapat keluarga yang menunjukkan ketabahan dan pengorbanan yang luar biasa.

Mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk keperluan penjagaan yang berterusan, tekanan emosi serta kekangan sumber. Oleh yang demikian, Yang Berhormat, menekankan sokongan berterusan daripada pihak kerajaan, agensi berkaitan dan masyarakat amatlah penting bagi memastikan keluarga-keluarga ini tidak berasa terpinggir, malah sentiasa

diberikan bimbingan dan bantuan yang sewajarnya.

Kerajaan, kata Yang Berhormat, melalui Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi berkaitan akan terus komited dalam memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan, khususnya dalam aspek pengesanan awal, diagnosis dan intervensi.

"Usaha sedang giat dijalankan untuk meningkatkan kapasiti tenaga kerja kesihatan melalui latihan berterusan, penggunaan alat saringan yang sah dan berkesan serta mempercepatkan tempoh antara kebimbangan ibu bapa dan diagnosis rasmi.

"Langkah-langkah ini adalah penting bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat sokongan yang diperlukan pada masa yang tepat," tegas Yang Berhormat.

Namun demikian tambahnya, tanggungjawab untuk menghargai dan menyokong individu autistik tidak terletak pada kerajaan semata-mata, ia memerlukan penglibatan seluruh lapisan masyarakat.

Institusi pendidikan perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang inklusif dan menyokong, majikan perlu membuka peluang pekerjaan yang adil, serta masyarakat umum perlu meningkatkan kefahaman serta mengamalkan sikap empati, hormat dan penerimaan terhadap individu autistik.

Pembinaan sebuah masyarakat yang inklusif, jelas Yang Berhormat lagi, memerlukan perubahan sikap dan tindakan yang berterusan.

Langkah-langkah kecil seperti bersabar, ujar Yang Berhormat, memahami keperluan individu autistik, serta menyediakan persekitaran yang mesra dan selamat boleh memberi impak yang besar dalam kehidupan mereka, ini kerana setiap individu berhak untuk merasa dihargai,

## ■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

diterima dan disokong dalam masyarakat.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menganjurkan kita untuk sama-sama memperbaharui komitmen untuk membina sebuah masyarakat yang lebih inklusif, penyayang dan saksama.

"Kita bukan sahaja meningkatkan kesedaran tetapi juga mengambil tindakan yang konkrit untuk memastikan setiap individu autistik diberi peluang yang adil untuk berkembang, menyumbang kepada masyarakat dan menjalani kehidupan yang

bermaruah," jelas Yang Berhormat lagi.

Akhirnya, Yang Berhormat sekali lagi menjelaskan autisme dan kemanusiaan adalah saling berkait. Untuk menjadi sebuah masyarakat yang benar-benar maju dan berperikemanusiaan terangnya, kita hendaklah menerima dan menghargai setiap individu tanpa pengecualian.

Setiap kehidupan mempunyai nilai, dan menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan nilai tersebut terus diiktiraf, dihormati dan dipelihara, bermula dari hari ini.





## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Cabaran Belia Dalam Mendapatkan Pekerjaan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 8 April 2026
- 'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja'. Tarikh Tutup : 15 April 2026
- 'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Modern'. Tarikh Tutup : 22 April 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi  
BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

## Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

**BELAIT**, Khamis, 2 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Tahun 2026 telah diadakan secara serentak di keempat-empat buah daerah.

Di Daerah Belait, tumpuan majlis tersebut berlangsung di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Majlis dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud, dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juz pertama oleh peserta-peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi di keempat-empat daerah mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut-penuntut Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili Sekolah-sekolah Arab, Sekolah-sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi.

Terdahulu itu, majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Asar yang diimamkan oleh Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Hariith.

Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali

### Daerah Belait

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Khatam ini diadakan adalah sebagai menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat-Nya jua menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Di samping itu juga, bagi memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia, sihat walafiat serta mendapat taufiq dan hidayah serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap (Keselamatan dan

Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat; dan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Ke-80 Bagi Tahun 2026, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku penghulu mukim, pemangku-pemangku ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan daerah, pegawai-pegawai hal ehwal masjid, ahli-ahli Takmir Masjid dan anak-anak buah kampung.

### Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Sehubungan itu, di Daerah Brunei dan Muara, seramai 564 peserta yang terdiri daripada 282 peserta lelaki dan 282 peserta perempuan petang tadi menghadiri majlis berkenaan yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu

kehormat bersama ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah bin Haji Mohd. Salleh; dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Atur cara dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juz pertama oleh peserta-peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut - penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili Sekolah-sekolah Arab, Sekolah-sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di

bawah Kementerian Pendidikan dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi.

Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam berkenaan antara lain diadakan bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat-Nya jua menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Di samping memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan

usia, sihat walafiat serta mendapat taufiq dan hidayah serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Juga hadir, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Ke-80 Bagi Tahun 2026, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku penghulu mukim, pemangku-pemangku ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta pegawai - pegawai dan kakitangan jabatan - jabatan daerah, pegawai-pegawai hal ehwal masjid, ahli-ahli Takmir Masjid dan anak-anak buah kampung.



**SEKITAR** Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Bandar Seri Begawan (atas dan kanan).



## Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara

### Daerah Temburong

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir peserta yang hadir pada majlis tersebut.

**TEMBURONG**, Khamis, 2 April. - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara diadakan hari ini secara serentak di keempat-empat buah

daerah.

Bagi Daerah Temburong, pelancarannya diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dengan melibatkan seramai 334 peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam ini diadakan adalah sebagai menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat-Nya jua menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah kepimpinan yang bijaksana

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Di samping memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat serta mendapat taufik dan hidayah serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juz pertama oleh peserta-peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli MPMK,

penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Belia dan Beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung.

Ini termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanalk Bolkiah, sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di institusi-institusi pengajian tinggi.

Turut hadir ialah

Setiasaha-setiasaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku penghulu mukim, pemangku-pemangku ketua-ketua kampung, Ahli-ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan daerah, pegawai-pegawai hal ehwal masjid, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

**TUTONG**, Khamis, 2 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 telah diadakan secara serentak petang tadi di keempat-empat buah daerah.

Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam ini diadakan adalah

sebagai menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat-Nya jua menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera, di samping memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda

dilanjutkan usia, sihat walafiat serta mendapat taufik dan hidayah serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanalk Bolkiah, Pekan Tutong dan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiasaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai daerah dan Ahli - ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku penghulu mukim, pemangku-pemangku ketua-ketua kampung, Ahli-ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan daerah, pegawai-pegawai hal ehwal masjid, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Sahibol Omar bin Haji Yussof. Manakala bacaan Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan

### Daerah Tutong



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi Daerah Tutong (atas). Sementara gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut yang diadakan di Masjid Hassanalk Bolkiah, Pekan Tutong.

Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Sultan diketuai oleh Ketua Imam masjid tersebut, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran beramai-ramai bermula dari juz pertama oleh peserta-peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli MPMK, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Belia dan Beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan

mewakili mukim dan kampung.

Ini termasuk penuntut-penuntut Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.



# 7 PENGHULU, 14 KETUA KAMPUNG BAHARU TERIMA SIJIL LANTIKAN



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyampaikan sijil lantikan kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar atas kanan, bacaan ikrar dari penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang diraikan.

**BERAKAS**, Rabu, 1 April. - Peranan penghulu - penghulu mukim dan ketua-ketua kampung pada hari ini telah berubah dengan jelas iaitu selari dengan perubahan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah dikuatkuasakan.

Secara ringkasnya tujuan utama Skim Perkhidmatan ini ialah bagi mempertingkatkan, memperkukuh dan memantapkan lagi kewibawaan, kualiti kepimpinan serta keberkesanan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi.

Kepimpinan ini adalah penting dalam sama-sama menangani cabaran merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan semasa

berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara (DBM) bertempat di Dewan Teater, Jabatan DBM, di sini.

Wawasan Brunei 2035 terangnya, adalah aspirasi negara yang memerlukan sokongan padu serta penglibatan aktif seluruh rakyat dalam menayakan dasar dan inisiatif kerajaan.

Penyertaan masyarakat melalui program kemasyarakatan, pembangunan kampung dan pelaksanaan projek kebajikan memainkan peranan penting dalam mempercepat pencapaian matlamat tersebut.

Sehubungan itu jelasnya, usaha memelihara keamanan dan keharmonian bukan sahaja terletak pada pihak kerajaan, malah menjadi tanggungjawab bersama setiap rakyat dan penduduk.

Dalam usaha mencapai



Wawasan Brunei 2035, Awang Abdul Walid seterusnya mengongsikan KHEDN telah melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama (KPIs) serta memperkenalkan Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia (HRCF PMKK).

Ini bagi memastikan penghulu mukim dan ketua kampung memiliki tahap prestasi, kemahiran dan keupayaan yang diperlukan untuk berperanan secara berkesan sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dalam menjaga, memelihara serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan penduduk di mukim dan kampung.

Kesemua inisiatif ini katanya, bertujuan agar memastikan kepimpinan akar umbi yang berwibawa, berkesan dan responsif dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat serta merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Tambahnya, dengan memahami

dan melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh dedikasi, setiap penyandang jawatan boleh memainkan peranan penting sebagai pemacu transformasi dan kesejahteraan di mukim dan kampung masing-masing.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyerahan sijil-sijil lantikan kepada tujuh orang penghulu dan 14 orang ketua kampung yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan ikrar dari penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang diraikan.

Juga hadir ialah Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, pegawai-pegawai kanan dari KHEDN dan JDBM.

Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) berserta rombongan KHEDN dan Jabatan DBM kemudiannya bertolak ke rumah Penghulu Mukim Zon 1, Kampung

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Azmah Haji Ahad

Burong Pingai Ayer bagi merasmikan papan tanda Penghulu Mukim.

Seterusnya tetamu kehormat dan rombongan bergerak ke Mukim Pengkalan Batu bagi merasmikan papan tanda Penghulu Mukim Pengkalan Batu dan diikuti ke rumah Penghulu Mukim Kilanas.

Acara perasmian papan tanda di beberapa buah rumah penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung seterusnya disambung oleh Pemangku Pegawai DBM berserta rombongan mengikut jadual tarikh serta waktu yang telah ditetapkan.

Perasmian papan tanda di kediaman ketua-ketua kampung yang telah diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung akan diteruskan lagi pada Rabu, 8 April 2026.

## Perkukuh amalan pengajaran pertanian di kalangan guru



SEKITAR Lawatan Kerja dan Pendidikan ke Rimba Garden Central (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Ihsan Abdul Aziz Pandin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Seramai 15 guru pertanian dari pelbagai sekolah di seluruh Negara Brunei Darussalam telah menyertai satu program pembangunan profesional melalui Lawatan Kerja dan Pendidikan ke Rimba Garden Central.

Inisiatif ini dianjurkan oleh Hab Pembangunan Profesional School-Based Committee (SBC) sebagai usaha berterusan dalam meningkatkan kualiti pengajaran serta kepakaran dalam bidang pendidikan pertanian.

Lawatan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan secara langsung kepada para pendidik

mengenai amalan hortikultur moden serta teknik berkebun yang praktikal.

Antara objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan pemahaman guru terhadap pengurusan hortikultur, memperkukuh kemahiran dalam penyediaan dan pencampuran medium tanah yang sesuai untuk penanaman tanaman, serta memperkasa keupayaan guru untuk mengaplikasikan pengetahuan praktikal dalam pengajaran di bilik darjah.

Sepanjang lawatan, para peserta dibawa meninjau pelbagai bahagian di Rimba Garden Central, di mana mereka berpeluang



melihat pelbagai jenis tanaman, sistem pengurusan tapak semaian serta amalan landskap.

Pakar di Lokasi, Awang Fairuz dan Dayang Nunung turut berkongsi pengetahuan berkaitan komposisi tanah, penjagaan tanaman dan kaedah berkebun secara lestari, sekali gus memberi pengalaman pembelajaran yang melangkaui kandungan buku teks.

Salah satu pengisian utama program ialah demonstrasi penyediaan dan pencampuran medium tanaman. Para guru diperkenalkan dengan nisbah yang betul bagi komponen tanah seperti tanah atas, bahan organik dan pasir, serta diberi peluang untuk mempraktikkan sendiri teknik tersebut.

Pengalaman secara *hands-on* ini dijangka dapat menyokong pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang lebih interaktif dan berasaskan amali di sekolah.

Program ini juga menjadi platform bagi menggalakkan kolaborasi profesional dalam kalangan guru.

Para peserta bertukar pandangan, membincangkan cabaran pengajaran serta meneroka strategi pengajaran inovatif yang selaras dengan pendekatan pembelajaran abad ke-21, khususnya pembelajaran berasaskan pengalaman dan inkuiri.

Menurut pihak penganjur, inisiatif seumpama ini amat penting bagi memastikan guru subjek

pertanian sentiasa mengikuti perkembangan amalan industri semasa di samping meningkatkan kemahiran pedagogi mereka secara berterusan.

Hab Pembangunan Profesional SBC komited untuk terus menyediakan peluang latihan yang bermakna dan relevan kepada para pendidik.

Lawatan ke Rimba Garden Central ini mencerminkan usaha berterusan dalam memperkukuh pendidikan pertanian di Negara Brunei Darussalam, sekali gus melengkapkan guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk membimbing pelajar serta memupuk amalan pertanian lestari pada masa hadapan.

# MEMPERKASA, MEMPERKUKUH PENGGUNAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR



PEMANGKU Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik), Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu khas pada Program Hayya Ilal 'Arabiyyah di SUAMPRIPAHS (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** (SUAMPRIPAHS) pagi tadi Khamis, 2 April. - Dalam usaha memperkasa dan memperkukuh penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah Arab, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Hadir selaku tetamu khas majlis



ialah Pemangku Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan oleh tenaga pengajar sekolah berkenaan, Awang Ali Moustafa Ali Saghir serta ucapan daripada Pemangku Pengetua SUAMPRIPAHS, Dayangku Aidi

Noorintan binti Pengiran Haji Md. Zinin.

Acara kemudiannya diteruskan dengan persembahan daripada para pelajar, tayangan video serta sesi kunjungan ke ruai Rumah Terbuka Mata Pelajaran.

Program yang dianjurkan oleh Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama berkenaan antara lain bertujuan bagi mendukung

matlamat melahirkan generasi yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Selain untuk menggalakkan para pelajar menggunakan Bahasa Arab dalam aktiviti Sambutan Hari Raya, di samping memberi peluang untuk menghayati nilai-nilai murni seperti semangat perpaduan, kegembiraan dan kesyukuran, sekali gus memperkukuh penguasaan Bahasa Arab.

## Pemeteraian penubuhan SEAFA, perkukuh sekuriti makanan serantau



KETUA Pegawai Eksekutif BFI, Dr. Harri Kiiski ketika hadir pada acara pemeteraian deklarasi bersama oleh BFI, PETRONAS Chemicals Group Berhad dan PT Pupuk Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad

**BALI,** Khamis, 2 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) bakal menjadi tuan rumah kepada Ibu Pejabat Southeast Asia Fertilizer Association (SEAFA), susulan pemeteraian deklarasi bersama oleh Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI), PETRONAS Chemicals Group Berhad dan PT Pupuk Indonesia.

Deklarasi tersebut dimeterai sempena Argus Fertilizer Asia Conference 2026 yang diadakan di Bali, Republik Indonesia, menandakan langkah strategik dalam memperkukuh kerjasama serantau dalam kalangan pengeluar baja bagi menyokong sekuriti makanan dan pertanian mampan.

Sebagai antara Ahli Pengasas, BFI akan memainkan peranan penting dalam membentuk hala tuju SEAFA sebagai platform kolaboratif industri bagi menggalakkan perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik serta dialog dasar di Asia Tenggara.

Penubuhan SEAFA mencerminkan komitmen bersama

untuk meningkatkan produktiviti pertanian, memperkukuh daya tahan rantaian bekalan serta menyokong peralihan ke arah pengeluaran baja yang lebih mampan dan rendah karbon di rantau ASEAN.

Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dr. Harri Kiiski berkata bahawa NBD berbangga menjadi tuan rumah kepada SEAFA yang menyediakan platform kolaboratif bagi peneraju industri untuk memperkukuh kerjasama serantau dan menyumbang kepada pembangunan pertanian mampan.

Menurut beliau, cabaran dalam mengadaptasi amalan mampan memerlukan pendekatan kolektif serta satu suara industri yang bersatu bagi menyokong penggubal dasar ASEAN dalam mengurangkan jejak karbon rantaian bekalan industri baja.

BFI, sebagai antara loji baja satu talian terbesar di Asia Tenggara, terus menyokong bekalan baja serantau serta usaha memperkukuh sistem makanan dan kelestarian industri.

## Meningkatkan penghayatan terhadap kitab suci umat Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 3 April. - Majlis Khatam Al-Quran bagi ahli tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar cukup signifikan, khususnya dalam mengeratkan silaturahmi bersempena bulan Syawal.

Menurut Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Awang Haji Damit, yang selaku Penasihat I, Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, menyatakan sekalipun bulan syawal sudah memasuki minggu kedua, kemeriahan menyambut bulan kemenangan umat Islam ini masih meriah. Malah, Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan

ini juga mengemakan lagi suasana terutama dalam merapatkan silaturahmi sesama kita.

Jelasnya lagi, inisiatif tadarus Al-Quran setiap selepas Sembahyang Fardu Subuh di masjid ini bukan sahaja mengimarahkan masjid, malah turut memberi manfaat besar kepada penduduk kampung yang juga sama-sama menerima rahmatnya.

"Selain meningkatkan penghayatan terhadap kitab suci umat Islam, bertadarus juga menjadi medium amalan yang membawa keberkatan, menyatukan masyarakat, dan membentuk peribadi Muslim yang lebih baik," ujarnya lagi.

Seramai 20 ahli tadarus terdiri daripada AJK takmir dan para jemaah Masjid Kampung Sungai Besar menyertai Majlis Khatam Al-Quran berkenaan sebagai menzahirkan kesyukuran selepas menamatkan bertadarus 30 juzuk Al-Quran.

Hadir dan menyertai majlis berkenaan, Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Majlis didahului dengan bacaan surah-surah lazim yang bermula dari Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas, dipimpin oleh peserta khatam, Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Manakala, Doa Tahliil dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Muhd. Hazman bin Haji Hairul Azme.



PENGHULU Mukim Kota Batu, dan Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut hadir menyertai Majlis Khatam Al-Quran bagi ahli tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar dan seterusnya bergambar ramai.

# Hari Terbuka C3L wujudkan peluang pembelajaran fleksibel, bermakna

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) dan Festival Pembelajaran Sepanjang Hayat 2026 telah diadakan baru-baru ini, bertempat di Bangunan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Acara berkenaan dimulakan dengan Majlis Perasmian yang menampilkan ucapan daripada Pengarah C3L, Profesor Madya Dr. Jose Hernandez Santos yang antara lain menyatakan bahawa acara berkenaan telah menyatukan para pendidik, pembuat dasar, rakan industri dan para pelajar yang berkongsi kepercayaan bahawa pembelajaran tidak berhenti selepas tamat pengajian, sebaliknya berterusan sepanjang hayat.

Di C3L jelasnya, misi kami adalah untuk menyokong perjalanan ini dengan mewujudkan peluang pembelajaran yang fleksibel dan bermakna untuk individu pada peringkat kerjaya yang berbeza.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, yang turut berkongsi

bahawa pembelajaran sepanjang hayat kini diiktiraf sebagai penting untuk daya tahan ekonomi dan pembangunan negara.

Jelasnya, di Negara Brunei Darussalam, visi berkenaan termaktub dalam Wawasan Brunei 2035 dan seterusnya menekankan keperluan melahirkan masyarakat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan mudah menyesuaikan diri.

Selepas Majlis Perasmian, Dr. Hazri menyampaikan Best-Micro Credential Awards untuk kategori baharu dan sedia ada.

Bagi Best-Micro Credential Awards, bagi penyertaan baharu, tempat pertama disandang oleh Dr. Roslinawati binti Roslan, Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah (SHBIE) dengan tajuk 'Introduction to Sustainability: Small Actions, Big Impact'.

Manakala tempat kedua diberikan kepada Michelle Poh Wan Pei, dari Pusat Bahasa dengan tajuk 'Mastering APA 7 in Style', sementara tempat ketiga pula dimenangi oleh Dr. Mohamed Syazwan Ab Talib, dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi

UBD (UBDSBE) dengan tajuk 'Project Management for Entrepreneurs'.

Bagi pemenang keempat pula disandang oleh Dr. Zaidah Rizidah Murang, dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), dengan tajuk 'Mastering Systematic Reviews for Strategic Decisions'.

Bagi Kategori Sedia Ada pula, tempat pertama disandang oleh Dayangku Ratna Suriani binti Pengiran Haji Osman, dari SHBIE dengan tajuk 'Autonomy, Voice, and Inclusive Pedagogy'.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Dr. Nurul Afiqah binti Haji Nor Amin, dari UBDSBE dengan tajuk 'Mastering Qualitative Insights for Business'; sementara tempat ketiga pula diraih oleh Dr. Noreena Liu, dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) dengan tajuk 'Introduction to Board Game Design'.

Sementara itu, Dr. Hazri berkata di UBD, perjalanan kami dalam pembangunan mikro-kredensi bermula dengan niat yang jelas untuk menjadikan pembelajaran lebih mudah diakses, bermakna dan berorientasikan masa depan.

Menurutnya lagi, sejak 2022, kami telah membina portfolio *micro-credential* yang semakin berkembang yang direka untuk menyokong pembangunan profesional dan keperluan industri. Ia bukanlah tawaran yang berdiri sendiri, sebaliknya ia disusun sebagai laluan pembelajaran berperingkat yang membolehkan kemajuan ke arah kelayakan yang diiktiraf pada pelbagai peringkat, termasuk pengiktirafan Micro-Bachelor, Bachelor, Micro-Master, dan Master degree.

"Sejak 2024, melalui inisiatif yang diketuai oleh C3L dan Pusat Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (InTELECT), lebih daripada 200 ahli akademik dari UBD dan institusi pengajian tinggi lain di seluruh NBD telah menyertai latihan khusus mengenai reka bentuk, penyampaian



NAIB Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian Best-Micro Credential Awards untuk kategori baharu dan sedia ada (atas dan bawah kiri).

dan penilaian *micro-credential*.

"Ini bukan sekadar pembinaan kapasiti dalam satu universiti, tetapi ia merupakan sumbangan kepada pengukuhan ekosistem negara untuk pembelajaran sepanjang hayat," ujarnya lagi.

Tumpuan utama ialah Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu (Recognition of Prior Learning - RPL), yang dibincangkan melalui ucapan oleh Dr. Asnul Dahar Minghat serta forum panel. Panel berkenaan menampilkan pakar-pakar terkemuka termasuk Profesor Madya Dr. Asnul Dahar Minghat dari Universiti Teknologi Malaysia, Dr. Shaikh Khalid Shaikh Haji Ahmad dari Kumpulan Syarikat Serikandi, dan Awang Haji Mohammad Jaafar bin Haji Johari dari C3L, Kementerian Pendidikan, dengan sesi dikendalikan oleh Timbalan Pengarah C3L, Dr. Anni @ Nik Ani Afiqah binti Haji Mohamad Tuah.

RPL menyediakan pendekatan yang berstruktur dan boleh dipercayai untuk mengiktiraf kecekapan yang dibangunkan melalui pengalaman profesional, latihan tidak formal dan pembelajaran tidak formal. Melalui

RPL, pelajar dewasa boleh memasuki program akademik melalui laluan pembelajaran sepanjang hayat atau menerima kredit modular untuk modul atau *micro-credentials* terpilih berdasarkan kecekapan yang ditunjukkan.

Secara keseluruhannya, *micro-credentials* dan RPL mewakili evolusi dalam pendidikan tinggi, mengiktiraf pencapaian akademik dan kedalaman pembelajaran yang diperoleh melalui pengalaman dunia sebenar.

Sepanjang hari, para hadirin telah berinteraksi dengan pelbagai pempamer termasuk Openlearning, Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), dan Pusat Pekerjaan Brunei. Bengkel praktikal turut diadakan yang merangkumi 'Integration of AI in Digital Pedagogy' oleh Profesor Madya Dr. Mohammad Tazli Azizan dari C3L, 'Practical Workplace Hazard Identification & Risk Assessment' oleh Dayang Wardatul Zahrah dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, serta 'Stress Less, Live More!' oleh wakil dari AC-ACE Creative Training Services.



# MENEROKA PENGGUNAAN TEKNOLOGI AI SECARA BERTANGGUNGJAWAB, BERETIKA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**TUNGKU LINK,** Rabu, 1 April. - Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) telah menganjurkan sebuah forum bertajuk 'AI in Academia and Office: The Responsible Way Forward' yang berlangsung di Senate Room, Chanceller Hall, universiti berkenaan, pagi tadi.

Forum berkenaan menyediakan platform bagi perbincangan bermakna mengenai peranan Kecerdasan Buatan (AI) yang

semakin berkembang dalam persekitaran akademik dan profesional.

Seiring dengan perkembangan pesat teknologi AI, forum berkenaan turut meneroka bagaimana penggunaan teknologi berkenaan dapat dilaksanakan secara bertanggungjawab dan beretika dalam bidang pendidikan, penyelidikan serta amalan di tempat kerja.

Majlis telah diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat majlis,

Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman.

Turut menyampaikan ucapan alu-aluan, Dekan UBDSBE, Dr. Wardah Azimah binti Haji Sumardi yang antara lain menekankan kepentingan penggunaan AI secara bertanggungjawab di samping mengekalkan pemikiran kritis, integriti dan akauntabiliti dalam kalangan profesional masa depan.

Forum berkenaan merupakan hasil kerjasama antara UBDSBE Strategic, Dynamics and Innovation Research Cluster bersama modul Pengurusan Projek yang dikendalikan oleh pelajar.

Forum berkenaan menghimpunkan ahli akademik, pengamal industri serta pelajar bagi berkongsi pandangan mengenai peluang dan cabaran dalam penggunaan AI secara bertanggungjawab.

Sepanjang forum separuh hari berkenaan, para peserta telah mengikuti sesi perbincangan panel yang menampilkan penceramah jemputan dalam kalangan akademik dan industri, diikuti sesi soal jawab interaktif.

Antara panel jemputan ialah Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif AICREATIVV, Awang Md. Imamull Qhaeer bin Md. Syamsol; Penolong Profesor



TIMBALAN Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Sementara gambar kiri, para panel jemputan semasa sesi perbincangan.

dalam bidang Robotik Pintar, Fakulti Sains Digital, UBD, Dr. Ajaz Ahmad Bhat; serta Arkitek Penyelesaian (Data & AI) di Dynamik Technologies, Yip Chong.

Sesi berkenaan dikendalikan oleh Dr. Haji Mohamad Nabil Almunawar dari UBDSBE, yang turut memudah cara perbincangan berkaitan masa depan AI dalam pembelajaran dan persekitaran profesional.

Penganjuran forum berkenaan mencerminkan komitmen UBDSBE dalam menggalakkan dialog kritikal mengenai teknologi baharu serta impaknya terhadap pendidikan dan masyarakat, di samping menekankan kepentingan keseimbangan antara inovasi dan tanggungjawab etika.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi UBDSBE di [www.sbe.ubd.edu.bn](http://www.sbe.ubd.edu.bn).



**B**ERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Islam meletakkan kehakiman dan perundangan di tempat yang tinggi. Allah Subhanahu Wata'ala telah menurunkan undang-undang Islam dengan tujuan bagi mengawal dan mengawal tingkah laku manusia, mewujudkan keadilan, mengekalkan keamanan dan memastikan keharmonian dalam masyarakat. Perundangan Islam bersumberkan kepada Al-Quran dan sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan ciri keistimewaannya ialah kesempurnaan dan syumul. Ia mencakupi seluruh ruang lingkup kehidupan sama ada sebagai seorang individu, anggota masyarakat mahupun sebagai rakyat di sesebuah negara.

Menyelesaikan pertikaian dan menghukum dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ini adalah menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-Maidah, ayat 48 :

**Tafsirnya :** "Dan Kami telah menurunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran yang membenarkan kitab-kitab suci yang diturunkan sebelumnya dan memelihara serta menjadi saksi ke atasnya. Maka

## Memartabatkan keadilan, menjamin kemakmuran

hukumlah di antara mereka mengikut apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk setiap (umat) di antara kamu, kami telah berikan syariat (aturan) dan jalan agama (yang wajib diikuti). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Dia menjadikan kamu umat yang satu (yang bersatu dalam agama) tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan-Nya kepada kamu. Oleh itu, berlumba-lumbalah kamu membuat kebajikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semua maka Dia akan memberitahu kamu tentang apa yang kamu perselisihkan".

Bagi melaksanakan perundangan Islam ini sudah setentunya memerlukan kepada sistem kehakiman yang benar-benar ampuh dan mantap. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Mahkamah-Mahkamah Syariah adalah menjadi tunjang dan pelaksana kepada penguatkuasaan undang-undang Islam. Tahun ini genaplah 25 tahun penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah bagi menggantikan Mahkamah-Mahkamah Kadi. Mahkamah-Mahkamah Syariah ditubuhkan pada 1 Muharam 1422 Hijrah bersamaan 26 Mac 2001 Masihi di bawah kuat kuasa Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184.

Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah di bawah Akta Penggal 184 adalah atas perkenan dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-50 Tahun di Istana Nurul Iman pada 15 Julai 1996 yang antara lain bertitah :

"Oleh itu, dengan rasa keimanan yang bulat terhadap peraturan dan undang-undang Allah, maka beta telah memperkenankan penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah sehingga ke tahap yang setinggi-tingginya bagi menangani bukan sahaja pentadbiran undang-undang keluarga, malahan juga di ketika yang sesuai dan munasabah akan juga mengendalikan Qanun Jina'i Islam yakni Islamic Criminal Act selengkapnya sebagaimana yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala". Demikian baginda bertitah.

Sejak penubuhannya, Mahkamah-Mahkamah Syariah telah melalui perkembangan yang pesat.

Pelbagai undang-undang telah digubal dan diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah. Undang-undang tersebut bukan sahaja berkaitan dengan Matrimoni atau ehwal sahshiah seperti Undang-undang Keluarga Islam Penggal 218 dan Akta Pengangkatan Kanak-kanak dalam Islam Penggal 206 tetapi juga berkaitan dengan harta seperti Perintah Hibah dan Perintah Pemegang Pajak Gadai sehinggalah membawa kepada pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah iaitu Kanun Hukuman Jenayah Syariah Penggal 275.

Mahkamah-Mahkamah Syariah melalui para hakimnya terikat dalam memutuskan dan menyelesaikan apa-apa jua pertikaian melalui penghakiman dan menjatuhkan hukuman dengan berlandaskan undang-undang dan hukum syarak serta sentiasa mengekalkan pihak-pihak untuk menyelesaikan pertikaian secara Sulh atau perdamaian.

Dengan pematuhan kepada prinsip-prinsip keadilan inilah dan dengan sifatnya sebagai sebuah mahkamah yang kompeten, maka setiap hukuman dan perintah sah yang dikeluarkan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah di bawah undang-undang yang ia berbidang kuasa adalah wajib dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pihak.

Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah adalah manifestasi komitmen dan iltizam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di dalam memartabatkan dan meletakkan undang-undang Islam di tempat yang tinggi. Dengan melaksanakan kehakiman syarak di negara ini sepenuhnya adalah akan mendatangkan rahmat kepada kita selaku penduduk yang berlingkup di bawah undang-undang syarak. Pada masa yang sama ia juga akan mendatangkan ketenangan jiwa pada orang yang bertikai yang diselesaikan melalui proses dan tatacara syarak, di samping dapat memberi penyelesaian segala bentuk pertikaian terutama dalam memberikan hak kepada yang benar-benar berhak serta mengetepikan segala unsur kezaliman dan memberikan hak orang yang dizalimi.

Bagi sesebuah negara, adalah selayaknya memberikan penghormatan terhadap pelaksanaan hukuman syarak bagi menjamin para penduduknya daripada menceroahi hak orang lain dan mencabuli batas tegahan dan larangan. Ia juga merupakan sumber kekuatan pertahanan mahupun benteng negara dalam menjamin keamanan, keadilan dan kesejahteraan. Pelaksanaan kehakiman syarak adalah dapat menjamin kewujudan kestabilan pemerintahan dan siasah negara di

samping dapat mengurangkan perlakuan jenayah dalam kalangan rakyatnya. Dengan adanya masyarakat dan penduduk yang masing-masing mengamalkan dan berpegang kepada penghayatan syarak di dalam melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan mahupun setiap larangan akan membawa kepada Islah (pembetulan) dan mengelakkan apa-apa yang membawa kepada kemusnahan dalam kehidupan. Justeru, akan wujudlah keamanan, kesejahteraan, kedamaian dalam kehidupan dan keadilan bernegara dan bermasyarakat.

Ingatlah, bahawa sesiapa jua yang ikhlas niatnya dalam menegakkan kebenaran kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata walaupun ke atas dirinya sendiri maka memadailah Allah Subhanahu Wata'ala yang akan melindunginya dan menyelamatkannya di dunia daripada kesesatan dan jauh daripada mendapat balasan buruk di akhirat nanti. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Sad, ayat 26 :

**Tafsirnya :** "Wahai Daud! Sesungguhnya Kami telah menjadikan engkau khalifah di bumi, maka tetapkanlah hukum antara manusia dengan benar (adil) dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkan engkau daripada jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat daripada jalan Allah itu, bagi mereka azab yang berat disebabkan mereka melupakan hari perhitungan (hari kiamat)".

Sesebuah sistem kehakiman tidak akan dapat berfungsi dengan baik hak masyarakat di negara tersebut tidak cakna dengan peraturan dan undang-undang yang digubal. Justeru, selaku rakyat dan penduduk di negara ini, seluruh anggota masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk terus menyokong dan mendukung sistem kehakiman syaria dengan sentiasa mematuhi apa jua undang-undang yang berkuat kuasa demi memastikan kemakmuran dan keamanan di negara ini akan tetapi terus dikecapi sampai bila-bila.

**Tafsirnya :** "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Uliil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (sunnah) rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya". (Surah An-Nisa, ayat 59)

# Permohonan tauliah mengajar, berceramah dibukakan



Borang Permohonan Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama

Syarat Permohonan Mendapatkan Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama



## Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 April. - Permohonan Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama bagi Musim Kedua Tahun 2026 adalah dibukakan mulai 1 April 2026 hingga 28 Mei 2026.

Pemegang Tauliah Mengajar

Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama yang akan tamat tempoh sehingga 31 Oktober 2026 adalah dinasihatkan untuk membuat permohonan memperbaharui tauliah berkenaan dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh Tauliah.

Ujian temu duga akan diadakan

bermula pada bulan Jun 2026 hingga bulan Julai 2026. Borang yang telah diisi bolehlah dihantar ke Pejabat Jabatan Majlis Ugama Islam, Tingkat 3, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Borang permohonan dan Syarat Permohonan Tauliah boleh diimbas melalui Kod QR.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL  
BRUNEI DARUSSALAM



TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA,  
JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD,  
KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends  
on #YouAndMe



Sila Imbas Untuk  
Khutbah Lengkap



# MEMARTABATKAN KEADILAN, MENJAMIN KEMAKMURAN

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 14 SYAWAL 1447H / 03 APRIL 2026M

## KEPENTINGAN UNDANG-UNDANG

- Islam meletakkan kehakiman dan perundangan di tempat yang tinggi.
- Perundangan Islam bersumberkan kepada Al-Quran dan Sunnah Nabi SAW.



## KEWAJIPAN UMAT ISLAM



Menyelesaikan pertikaian dan menghukum dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah SWT adalah menjadi kewajipan.

## MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH

- Menjadi tunjang dan pelaksana kepada penguatkuasaan undang-undang Islam.
- Ditubuhkan pada 01 Muharram 1422 hijriah bersamaan 26 Mac 2001 masihi di bawah kuatkuasa Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184.



## PERLAKSANAAN KEHAKIMAN SYARA'



- Menjamin kewujudan kestabilan pemerintahan.
- Mengurangkan perlakuan jenayah.
- Akan wujudlah keamanan, kesejahteraan, kedamaian dalam kehidupan dan keadilan bernegara dan bermasyarakat.

# 6 PERANTIS TERPILIH SERTA PROGRAM KEJURUTERAAN RB



SERAMAI enam perantis telah terpilih ke dalam program pembangunan kejuruteraan berstruktur Syarikat Penerbangan Diraja Brunei setelah berjaya melalui proses pemilihan (atas dan atas kanan).

**BERAKAS**, Khamis, 2 April. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) hari ini mencatat satu pencapaian penting dalam usaha pembangunan bakatnya melalui Majlis Penandatanganan Perantis Kejuruteraan Pengambilan Ke-30

yang berlangsung di Kampus RB, Jalan Kustin, di sini.

Majlis berkenaan menyaksikan kemasukan rasmi enam perantis terpilih ke dalam program pembangunan kejuruteraan berstruktur RB setelah berjaya melalui proses pemilihan yang

kompetitif.

Daripada 470 permohonan yang diterima, seramai 220 calon disenarai pendek untuk saringan, diikuti 91 calon ke peringkat penilaian bertulis dan 14 ke temu duga akhir sebelum enam calon dipilih.

Perantis yang berjaya ialah Awang Danial bin Haslin, Kieran Ong Jun Jie, Awang Ahmad Danial bin Rushdi, Delwin Tang Lee Wun, Dayang Yasmein Ameina binti Haji Mohammad Affno, dan Dayang Nur Uzma Anati binti Haji Ismail.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan RB dalam membina saluran bakat tempatan yang kukuh dalam industri penerbangan, selaras dengan keperluan pertumbuhan industri serta keutamaan pembangunan negara.

la juga sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 yang menekankan kepentingan tenaga kerja yang

**KETUA Pegawai Eksekutif Interim Syarikat Penerbangan Diraja Brunei semasa berucap.**



**Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad**

berkemahiran tinggi dan berpendidikan.

Sebagai sebahagian daripada usaha menyediakan latihan bertaraf dunia, RB bekerjasama dengan Aviation Australia, sebuah penyedia latihan penerbangan antarabangsa yang diiktiraf.

Melalui kerjasama ini, para perantis akan didedahkan kepada standard dan amalan bertaraf global.

Pada masa ini, kira-kira 10 perantis kejuruteraan daripada kohort pertama sedang menjalani latihan di Brisbane, Australia, sekali gus memperkukuh keupayaan teknikal RB untuk masa hadapan.

Program perantisan berbilang tahun ini menggabungkan pembelajaran teori dengan pengalaman praktikal secara langsung dalam persekitaran kejuruteraan dan operasi RB.

la direka untuk melengkapkan peserta dengan kepakaran teknikal, disiplin serta pemikiran berteraskan keselamatan yang diperlukan dalam industri penerbangan.

"Di RB, kami percaya bahawa tenaga kerja kami adalah aset paling berharga. Program perantisan ini mencerminkan komitmen kami dalam memupuk

bakat tempatan dan membangunkan generasi profesional penerbangan akan datang," ujar Ketua Pegawai Eksekutif Interim RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini semasa berucap pada majlis tersebut.

"Melalui kerjasama dengan Aviation Australia serta pelaburan berterusan dalam latihan, kami sedang membina asas kukuh untuk masa depan syarikat penerbangan kami serta menyumbang kepada visi negara di bawah Wawasan Brunei 2035," tambahnya.

Pengambilan Ke-30 pada hari ini jelasnya merupakan kohort kedua yang akan mengikuti Diploma Kejuruteraan Penyelenggaraan Pesawat yang dikendalikan oleh Aviation Australia, satu-satunya penyedia yang diluluskan di Australia bagi laluan ini di bawah piawaian antarabangsa EASA Part 147.

Turut hadir pada majlis tersebut, pengurusan kanan RB, kakitangan, para perantis serta ahli keluarga mereka, sekali gus menandakan permulaan perjalanan baharu yang penuh bermakna bagi kumpulan pengambilan tersebut dalam kerjaya kejuruteraan penerbangan.

## Perantis kejuruteraan RB kongsi pengalaman, aspirasi



**DAYANG Nur Uzma Anati binti Haji Ismail (kiri) dan Awang Ahmad Danial bin Rushdi (kanan).**

**BERAKAS**, Khamis, 2 April. - Industri penerbangan pada masa ini terus menunjukkan pemulihan dan pertumbuhan yang memberangsangkan, sekali gus meningkatkan permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi, khususnya dalam bidang kejuruteraan.

Sejajar dengan perkembangan tersebut, kemajuan teknologi, pematihan kepada piawaian keselamatan serta keperluan kelestarian terus menjadi faktor utama dalam membentuk keperluan tenaga kerja masa hadapan dalam industri berkenaan.



Dalam hubungan ini, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) terus komited dalam meletakkan dirinya sebagai majikan pilihan dengan memberi penekanan kepada pembangunan bakat tempatan serta penyediaan laluan kerjaya jangka panjang melalui pelaksanaan Program Perantisan Kejuruteraan.

Sehubungan itu, pada Majlis Penandatanganan Perantis Kejuruteraan Pengambilan Ke-30 yang berlangsung di Kampus RB, hari ini menyaksikan seramai enam perantis secara rasminya terpilih menyertai program pembangunan kejuruteraan berstruktur RB.

Dua orang perantis semasa ditemui pihak media mengongsikan pengalaman serta aspirasi mereka dalam menceburi bidang tersebut.

Awang Ahmad Danial bin Rushdi, 20 tahun dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang berkata, minatnya dalam bidang kejuruteraan mula dipupuk sejak dari sekolah menengah melalui pengajaran dalam mata pelajaran sains.

Beliau seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat 'A' Level di Maktab Duli Pengiran Muda Haji AI-Muhtadee Billah (MDPMB) dengan mengambil jurusan Kimia, Fizik dan Matematik, yang seterusnya melayakkan beliau untuk memohon program berkenaan.

Menurutnya, pemilihan untuk menceburi bidang kejuruteraan penerbangan juga didorong oleh kesedaran terhadap keperluan tenaga kerja dalam industri tersebut.

"Melihat kepada keperluan industri penerbangan pada masa ini, saya terdorong untuk menyumbang kepada bidang ini," jelas beliau.

Mengulas mengenai proses pemilihan, beliau menyifatkannya sebagai mencabar kerana melalui beberapa peringkat termasuk saringan, peperiksaan bertulis dan

temu duga.

"Antara yang paling mencabar ialah sesi temu duga kerana ia bukan sahaja menilai pencapaian akademik, malah keupayaan dan kesediaan seseorang untuk menjadi jurutera," tambahnya.

Beliau berharap dapat menyumbang kepada industri penerbangan negara dengan memastikan operasi berjalan dengan cekap dan selamat, selaras dengan kepentingan keselamatan sebagai keutamaan utama di RB.

Sementara itu, Dayang Nur Uzma Anati binti Haji Ismail, 20 tahun dari Kampung Mata-Mata melahirkan rasa syukur kerana terpilih menyertai program berkenaan.

Beliau berkata, pada peringkat awal proses pemilihan, perasaan gemuruh tidak dapat dielakkan, namun peluang yang diperoleh itu disifatkan sebagai satu langkah penting dalam laluan kerjayanya. "Saya berasa amat bersyukur dan melihat ini sebagai peluang serta laluan yang perlu saya teruskan," ujarnya.

Beliau yang menamatkan pengajian 'A' Level di Maktab Duli tahun lalu menjelaskan bahawa minat dalam bidang kejuruteraan telah lama wujud sejak di peringkat sekolah menengah, didorong oleh kecenderungan terhadap mata

pelajaran sains.

Tambahnya, sokongan padu daripada ibu bapa turut menjadi faktor penting dalam merealisasikan hasratnya untuk menceburi bidang kejuruteraan penerbangan.

Beliau turut menasihatkan golongan belia agar membuat perancangan rapi dalam menentukan hala tuju kerjaya masing-masing, khususnya bagi mereka yang berminat dalam industri penerbangan.

"Adalah penting untuk memahami dengan jelas bidang yang ingin diceburi dan berusaha ke arah mencapainya," jelasnya mengakhiri temu bual.

Para perantis akan menjalani program selama 95 minggu merangkumi 1,351 jam latihan teori yang digabungkan dengan 1,190 jam latihan praktikal yang dijalankan di Ibu Pejabat Aviation Australia yang terletak di kawasan Lapangan Terbang Brisbane.

Program ini direka untuk melengkapkan mereka dengan kepakaran teknikal, disiplin serta piawaian profesional yang diperlukan dalam industri penerbangan, sekali gus mempersiapkan mereka untuk menyumbang secara bermakna kepada RB dan Negara Brunei Darussalam.

# Taklimat Kenegaraan di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali



**PROGRAM** Taklimat Kenegaraan berkenaan anjuran Jabatan Penerangan yang diadakan di dewan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (atas dan bawah kanan). Manakala gambar atas kanan, para penuntut semasa menyertai Kuiz Kenegaraan.

**Oleh :** Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
**Foto :** Muhammad Asri Haji Awang Abas

**SALAMBIGAR**, Rabu, 1 April. - Seramai 169 orang penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan bertempat di Dewan Sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim. Dalam taklimat tersebut antara lain menekankan bahawa bendera negara dan lagu kebangsaan perlu dihayati, dihormati dan dipelihara di mana kita selaku rakyat dan penduduk NBD perlu berasa bangga kerana memiliki bendera negara dan lagu kebangsaan sendiri. Bendera yang koyak dan luntur tidak boleh dinaikkan dan

hendaklah diganti dengan yang baru. Apa jua tanda, huruf, perkataan, rajah, bentuk, lukisan atau lambang selain daripada lambang yang ada pada masa ini tidak boleh diletakkan pada bendera.

Manakala makna yang terdapat dalam lagu kebangsaan pula merupakan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala khusus bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semoga baginda dilanjutkan usia untuk memerintah dengan adil sebagai raja yang berdaulat menaungi nusa (negara) dan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir Pengetua Sekolah, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim serta para tenaga pengajar. Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' serta berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi menguji dan meningkatkan kefahaman mengenai kandungan taklimat.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz Kenegaraan oleh Pengetua sekolah berkenaan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



## MEMUPUK, MENGEKALKAN HUBUNGAN KUKUH DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

**Siaran Akhbar dan Foto :** Bank Islam Brunei Darussalam



**SUASANA** pada Acara Gema Syawal anjuran Bank Islam Brunei Darussalam Berhad yang berlangsung di V-Plaza Hotel, Daerah Belait (atas kiri dan atas kanan).

**BELAIT**, Jumaat, 3 April. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) baru-baru ini menganjurkan sambutan Hari Raya tahunannya di Daerah Belait, sekali gus mengesahkan komitmen bank untuk memupuk dan mengekalkan hubungan yang kukuh dengan pihak berkepentingan yang dihargai di seluruh Negara Brunei Darussalam (NBD).

Diadakan di V-Plaza Hotel, acara berkenaan telah menghimpunkan kira-kira 500 tetamu, termasuk wakil daripada agensi kerajaan, komuniti perniagaan dan tokoh-tokoh. Sambutan berkenaan menyediakan peluang untuk berinteraksi dan menjalin rangkaian dalam suasana yang

mencerminkan kemesraan dan semangat Hari Raya.

Acara Gema Syawal berkenaan telah dianjurkan oleh ahli pengurusan kanan BIBD bersama-sama kakitangan bank, sambil merakamkan penghargaan kepada para tetamu atas sokongan dan kerjasama berterusan mereka.

Grand Ballroom telah dihias menjadi ruang yang elegan, mencerminkan nilai-nilai perpaduan, rasa hormat, dan komuniti BIBD, selaras dengan identiti bank sebagai 'Bruneian at Heart'.

Selain meraikan perayaan, acara berkenaan berfungsi sebagai platform untuk memperkukuh

persefahaman dan kerjasama bersama, sambil mempromosi nilai-nilai teras seperti kemurahan hati, perpaduan, dan kebersamaan yang menjadi asas sambutan Hari Raya.

Selain itu, ia juga menzahirkan penghargaan BIBD atas sumbangan pihak berkepentingannya terhadap kejayaan berterusan bank dan pembangunan ekonomi jangka panjang NBD.

Melalui inisiatif seperti berkenaan, BIBD terus memperkukuh komitmennya dalam membina perkongsian mampan yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan perpaduan sosial negara.

## Ekksesais Dua Hala Brusing, 5 – 30 April

**Siaran Akhbar:** Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan bahawa Latihan Hutan Brusing Tahun 2026 sempena Ekksesais Dua Hala Brusing Ke-33 akan diadakan bermula Ahad, 5 April hingga Khamis, 30 April 2026 bertempat di Kampung Betaian dan Kampung Selapon, Daerah Temburong.

Sehubungan itu, dipohonkan kerjasama orang ramai supaya berhati-hati apabila menggunakan tempat tersebut bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku semasa acara berlangsung.



**JABATAN PERTANIAN  
DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga  
Jabatan Pertanian  
dan Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada **Khamis, 30 April 2026.**

**Borang Sebut Harga:**  
BND7.00

- 1. JPt / SH / 07 / 2026 - 2027**  
To Supply and Deliver Antimicrobial Reference Standards and Supplementary Items For Antimicrobial Resistance Surveillance
- 2. JPt / SH / 08 / 2026 - 2027**  
Replacements, Installations and Commissioning of One (1) Unit Compressed Air Generator For Shimadzu AAS-7000



**PASUKAN POLIS  
DIRAJA BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**T / 001 / RBPF-HQ / 2025-M**

To Supply And Delivery Of One (01) Unit Of Tractor For Launching/Retrieving Boat At Slipway And To Apply Anti-Corrosive Coating On All Metal Surfaces Of The Tractor,

Police Marine Headquarters,  
Royal Brunei Police Force

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 21 April 2026



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam**

**Kelas:**  
II & III

**Kategori:**  
B01  
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa, 14 April 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
28 April 2026  
Tidak Lewat Jam  
12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 05 / CQS /  
2026-T / II

**Nama Projek:**  
Membina  
Kem Pengkalan  
Di Sempadan  
Brunei Darussalam – Concrete  
Roadworks

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam**

**Kelas:**  
(II & III Sahaja)

**Kategori:**  
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
Selasa,  
14 April 2026

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
28 April 2026  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00  
Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 050 / 2025

**Nama Projek :**  
Kontrak Penggal Bagi  
Kerja-Kerja Penyelenggaraan  
Untuk Membaiki Kebocoran Paip  
Komunikasi Dan Agihan Di  
Daerah Temburong Bagi Tempoh  
36 Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



**Kelas:**  
V & VI Sahaja

**Kategori:**  
KA01- Contractor with  
asphalt plant only

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
31 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang

**Bilangan:**  
JKR / DOR / SRM 13 / 2026

**Nama Projek:**  
Membaikpulih Dan Menurap  
Semula Aspal di Lebuhraya Sultan  
Hassanal Bolkiah, Tungku, Rimba,  
Pengiran Muda Al-Muhtadee  
Billah dan Tungku – Jerudong

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**  
-

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
7 April 2026  
Tidak Lewat  
Dari Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan  
Elektrik**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PSP / 110 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Consultancy Services For  
Transmission Infrastructure  
Upgrade (66KV to 132KV)  
From Seria Substation To  
Panaga Substation

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
21 April 2026  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
Peti Tawaran,  
Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lobi Utama,  
Aras 1  
Bangunan Jabatan Perdana  
Menteri,

Bandar Seri Begawan, BB3913,  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Konsultan Jurutera Mekanikal  
Atau Jurutera Awam Yang  
Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
(BAPEQS)

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari **Bahagian kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.**



**Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan  
Elektrik  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / DIS / 009 / 2026

**Tajuk:**  
Provision Of Manpower  
For Low Voltage Remedial Works  
In Tutong District For  
Three (3) Years

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
21 April 2026  
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
"Tender Box"  
Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,

Lobi Utama, Aras 1,  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913,  
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**  
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 Atau 5, dalam Kategori E02 & E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E02 dan E03.



**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Pusat Kebangsaan  
E-Kerajaan,  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
EGNC / PM / 4.1 / 2.2026  
Replacement of EGNC Email  
Messaging Gateway with  
Maintenance and Support for  
3 Years,  
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan  
(EGNC),  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi (MTIC)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
7 April 2026

# PERLUAS KESEDARAN PELAJAR TERHADAP KOMUNITI ASEAN



**JERAYAWARA** Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan diadakan di dewan Sekolah Menengah Masin di mana seramai 280 pelajar Tahun 7 dan 8 telah hadir (kiri dan bawah kiri).

sebagai sebahagian daripada komuniti ASEAN.

Usaha ini adalah selaras dengan moto ASEAN, 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti' (One Vision, One Identity, One Community).

Selain sesi taklimat, para pelajar turut berpeluang menyertai Kuiz Kenali ASEAN bagi menguji kefahaman mereka mengenai organisasi serantau tersebut. Penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz telah disempurnakan oleh pengetua sekolah berkenaan.

Penganjuran jerayawara ini merupakan antara inisiatif berterusan Jabatan Penerangan dalam meningkatkan pengetahuan serta kesedaran mengenai ASEAN, di samping menyemai semangat patriotisme dan perpaduan atau ASEAN-ness dalam kalangan generasi muda.

Melalui program seumpama ini, para pelajar diharap dapat memahami fungsi dan tujuan penubuhan ASEAN, sekali gus mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat.

Ini penting dalam melahirkan generasi pewaris yang berperanan aktif dalam memacu hala tuju negara pada masa hadapan.



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI, meneruskan lagi usaha membarigakan maklumat mengenai ASEAN melalui penganjuran Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Menengah Masin.

Program yang berlangsung di

dewan sekolah berkenaan itu disertai oleh seramai 280 pelajar Tahun 7 dan 8.

Turut hadir, Pengetua Sekolah Menengah Masin, Dayang Hajah Norwen binti Haji Brahim bersama para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, antara lain bertujuan memberikan pendedahan asas mengenai ASEAN serta menanamkan kesedaran dalam kalangan pelajar

Pastikan data perniagaan awda kekal selamat dan dilindungi dalam sempadan Brunei.



**UNN**  
Empowering Digital Society



Perkhidmatan Colocation Hosting kami kini menawarkan lebih kuasa dan kebolehpercayaan yang lebih tinggi untuk menyokong keperluan perniagaan moden.



Rak Berkuasa Tinggi 7.5kW

Membolehkan perniagaan menghos dan mengendalikan beban kerja moden dengan lebih cekap.



Bekalan Kuasa Dua Sumber

Memastikan ketersediaan tinggi dengan tahap perkhidmatan 99.982%, disokong oleh dua stesen elektrik bebas.



Pensijilan Uptime Tier-3

Standard global yang diiktiraf untuk ketersediaan dan kebolehpercayaan.



Pastikan perjalanan digital awda lebih selamat hari ini.  
Imbas kod QR untuk maklumat lanjut.

Nota: Semua ciri baharu tersedia di Pusat Data Prefab Tungku.



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)



# جوالن ساليينن كمبر ٢ ديكييتل

## JUALAN SALINAN

### GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



#### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.  
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan  
 satu keping cd adalah BND21.  
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

#### TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima  
 pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

#### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam  
**laman galeri Infoto ([www.infoto.gov.bn](http://www.infoto.gov.bn))**  
 dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil  
 oleh warga Jabatan Penerangan.

#### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
 JABATAN PERDANA MENTERI,  
 LAPANGAN TERBANG LAMA,  
 BERAKAS, BB3510,  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
 FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
 KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,  
 BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

#### WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis  
 8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
 2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
 Sabtu  
 8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
 Jabatan Perdana Menteri  
 Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

# SAMBUTAN HARI RAYA ERATKAN SILATURAHIM PEGAWAI, KAKITANGAN PGGMB

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 April. - Sambutan Hari Raya dapat mengeratkan silaturahmi dalam kalangan semua insan. Oleh itu, suasana berkenaan perlu diadakan dan diraikan dengan jiwa yang terbuka dan melahirkan ukhuwah sesama insan di sekeliling kita.

Pegawai-pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Persekutuan Guru-Guru

Melayu Brunei (PGGMB) juga tidak ketinggalan dalam mengadakan Sambutan Hari Raya bagi tahun 2026. Sambutan berkenaan bertujuan bagi menjalin dan mengeratkan silaturahmi dan meningkatkan budaya kerja yang cemerlang dalam kalangan para pegawai dan kakitangan di Ibu Pejabat PGGMB sebagai barisan hadapan persekutuan berkenaan.




SUASANA pada Sambutan Hari Raya bagi tahun 2026 anjuran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) (atas, kiri dan bawah kiri).

Hadir bagi memeriahkan Sambutan Hari Raya berkenaan, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Timbalan Yang Dipertua PGGMB, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohammad; Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong; Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abd. Rahman; Timbalan-timbalan Setiausaha Agung (Luar dan Dalam Negeri), Timbalan Setiausaha Kewangan, Pegawai Pemeriksa Kira-kira PGGMB dan kakitangan Ibu Pejabat PGGMB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Timbalan Yang Dipertua PGGMB. Diikuti dengan penyampaian pertukaran cenderamata dan pertandingan pakaian tercantik bagi lelaki dan perempuan.

Alhamdulillah, sambutan berkenaan sangat signifikan bagi pegawai dan kakitangan walaupun dalam suasana yang sederhana. Selain itu, ia dapat menjalin suasana keharmonian dan setiakawan dalam kalangan pegawai dan kakitangan PGGMB.



**TAHUKAH AWDA?**

**جايڠن تنجاڠ**  
JABATAN TENAGA

## APA ITU TENAGA SURIA?

- Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

**TAHUKAH AWDA?**

Dengan sistem atas grid, sebarang lebih tenaga elektrik yang awda hasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

[www.energy.gov.bn](http://www.energy.gov.bn)   
 [renewable.energy@energy.gov.bn](http://renewable.energy@energy.gov.bn)   
 + 675 2384488 ext 3271

## Hiasan tanaman bunga serikan suasana kediaman



SUSUNAN bunga yang disimpan di atas meja ruang tamu atau sudut tertentu, mampu menjadi titik tumpu yang menarik perhatian para tetamu.

**TUTONG**, Rabu, 1 April. - Hiasan tanaman dan bunga merupakan salah satu unsur utama dalam menyerikan ruang tamu dan halaman rumah. Kehadiran unsur

semula jadi menambahkan lagi keindahan yang menarik dan mampu mewujudkan suasana yang tenang dan menyenangkan. Dalam aspek kehidupan yang

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

moden, hiasan berasaskan tumbuhan hijau dan bunga menjadi pilihan yang sangat baik untuk meningkatkan kualiti persekitaran tempat tinggal persendirian.

Di ruang tamu, penggunaan tanaman hiasan seperti pokok kecil yang berdaun hijau atau tanaman kecil dalam pasu mampu memberikan sentuhan semula jadi yang harmoni dan mencantikkan pemandangan.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual orang ramai mengenai pandangan mereka tentang hiasan tanaman dan bunga bagi menyerikan ruang tamu dan halaman rumah.

Menurut Dayang Asmah binti Haji Tuah yang berasal dari Kampung Kiulap semasa ditemui menjelaskan, susunan tanaman yang kemas dan seimbang dapat menyerlahkan lagi keindahan ruang tamu tanpa menjadikan ruang yang sempit dan padat.

Di samping itu katanya, pemilihan pasu yang sesuai dari segi bentuk, saiz dan warna memainkan peranan penting dalam

mewujudkan keharmonian konsep hiasan dalaman.

Beliau seterusnya menjelaskan, bunga segar atau bunga tiruan juga turut menjadi pilihan yang digemari sebagai hiasan tambahan.

"Ini kerana bunga segar memberikan haruman yang menyenangkan serta suasana yang lebih hidup, manakala bunga tiruan pula lebih tahan lama dan mudah dijaga dan mudah dibersihkan pada bila-bila masa," ujarnya lagi.

Sementara itu bagi Dayang Hajah Siti binti Md. Salleh dari Kampung Penanjong pula menjelaskan, susunan bunga yang disimpan di atas meja ruang tamu atau sudut tertentu, juga mampu menjadi titik tumpu yang menarik perhatian para tetamu.

Oleh itu jelasnya lagi, pemilihan warna bunga yang ceria dan sepadan dengan tema ruang amat digalakkan.

"Hiasan tanaman dan bunga memainkan peranan yang lebih luas di halaman rumah. Halaman yang dihiasi dengan pelbagai jenis

pokok hiasan, bunga-bunga serta rumput yang terjaga akan memberikan persepsi awal yang baik kepada sesiapa yang berkunjung," ujarnya.

Beliau seterusnya menambah, penjagaan tanaman juga tidak boleh diabaikan. Penyiraman yang mencukupi dan pembajaan yang sesuai serta pendedahan kepada cahaya matahari adalah penting bagi memastikan tanaman sentiasa subur dan sihat.

Tanaman yang layu atau tidak terurus katanya, bukan sahaja menjejaskan keindahan, malah boleh mencerminkan sikap pemilik rumah yang kurang prihatin terhadap kebersihan dan kekemasan.

Kesimpulannya, hiasan tanaman dan bunga merupakan unsur utama dalam menyerikan ruang tamu dan halaman rumah. Dengan penjagaan yang rapi, keindahan semula jadi berkenaan mampu mencipta suasana yang harmoni.

Oleh itu, setiap individu digalakkan untuk memanfaatkan keindahan tanaman sebagai sebahagian daripada usaha memperindahkannya masing-masing.

# AIDILFITRI ERATKAN SILATURAHIM SESAMA MANUSIA



MAJLIS tersebut dimulai dengan ucapan alu-aluan, diikuti dengan tazkirah oleh Pesuruhjaya Pemimpin Muda PPPBD dan di akhir majlis, sesi bergambar ramai (kiri dan kanan).

Hari Raya Aidilfitri bukan sekadar perayaan yang diraikan dengan kegembiraan dan tradisi, tetapi merupakan lambang kemenangan umat Islam setelah berjaya melalui proses tarbiyah rohani sepanjang bulan Ramadan.

Jelasnya lagi, Ramadan berperanan sebagai madrasah yang mendidik umat Islam untuk memperkukuh hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, memperbaiki akhlak serta menahan diri daripada perkara yang dilarang.

"Aidilfitri ialah kembali kepada fitrah, iaitu keadaan hati yang bersih dan suci, di samping menggalakkan amalan saling bermaaf-maafan serta mengeratkan silaturahmi sesama manusia.

"Nilai-nilai tersebut selari dengan pembentukan sahsiah ahli PPPBD yang menitikberatkan disiplin, kepimpinan dan akhlak mulia,"



ujarnya lagi.

Secara keseluruhannya, tazkirah berkenaan mengajak para peserta menjadikan Aidilfitri sebagai titik permulaan untuk mengekalkan amalan baik yang dipupuk sepanjang Ramadan serta

Siaran Akhbar dan Foto :

Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam

berusaha menjadi insan yang berakhlak mulia dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Majlis diakhiri dengan bacaan

Doa Selamat, diikuti dengan sesi bergambar ramai, menikmati hidangan serta cabutan sampul raya.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 anjuran PPPBD, bertempat di ibu Pejabat PPPBD.

Majlis dimulai dengan ucapan alu-aluan, diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Hikmah Aidilfitri - Kembali kepada Fitrah' yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Pemimpin Muda PPPBD, Dr. Hajah Mariam binti Haji Abdul Rahman.

Dr. Hajah Mariam dalam tazkirahnya antara lain menekankan bahawa Sambutan

## Kegiatan tidak bermoral berjaya ditumpaskan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



PIHAK PPDB telah menahan seorang wanita tempatan yang dipercayai menjalankan kegiatan pelacuran di sebuah bilik sewa di Sengkurong (atas). Manakala gambar bawah, beberapa barang yang dipercayai berkaitan dengan kegiatan berkenaan telah dirampas untuk dibawa ke Pejabat USPPPM JSJ bagi membantu siasatan lanjut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 1 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), melalui Unit

Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM), Jabatan Siasatan



Jenayah (JSJ), baru-baru ini berjaya menahan seorang wanita tempatan yang dipercayai terlibat dalam kegiatan pelacuran dalam satu operasi serbuan yang dijalankan di kawasan Sengkurong.

Serbuan berkenaan dijalankan pada kira-kira jam 4.28 petang hasil maklumat orang ramai serta pemantauan pihak PPDB. Operasi berkenaan melibatkan seramai sembilan anggota JSJ yang diketuai oleh Pemangku Ketua USPPPM JSJ, ASP Norsuraya binti Haji Marusin.

Dalam serbuan yang dijalankan di sebuah bilik sewa di Jalan Paya Bunga Merah, Sengkurong, pihak PPDB telah menahan seorang wanita tempatan, berumur 39 tahun yang dipercayai menjalankan kegiatan pelacuran di bilik berkenaan.

Turut dirampas adalah beberapa barang yang dipercayai berkaitan dengan kegiatan berkenaan. Suspek bersama barang rampasan telah dibawa ke Pejabat USPPPM JSJ bagi membantu siasatan lanjut.

Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 294A Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Sehubungan dengan itu, PPDB ingin mengingatkan orang ramai agar tidak terlibat dalam sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang dan norma kesusilaan negara. Orang ramai juga diseru untuk terus bekerjasama dengan pihak PPDB dengan menyalurkan maklumat berhubung sebarang

## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400**  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

kegiatan mencurigakan bagi kesejahteraan masyarakat memastikan keselamatan dan sentiasa terpelihara.

# BERKONGSI PANDANGAN PERSIAPAN RUMAH TERBUKA

**BELAIT**, Rabu, 1 April. - Persiapan Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di kawasan rumah persendirian sering dilihat sebagai satu tradisi yang meriah dan penuh makna. Namun di sebalik kemeriahan tersebut, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh tuan rumah selaku penganjur.

Bermula dari aspek kewangan hingga kepada pengurusan masa, setiap perkara memerlukan perancangan yang teliti agar Majlis Rumah Terbuka dapat berlangsung dengan lancar dan teratur.

Pelita Brunei menemu bual orang awam untuk memberikan pandangan mereka mengenai cabaran yang dihadapi dalam menganjurkan Majlis Rumah Terbuka semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Pengiran Maleena binti Pengiran Ibraheem yang berusia 42 tahun dari Kampung Lumut menjelaskan, antara cabaran yang dihadapi dalam menganjurkan Majlis Rumah Terbuka semasa Hari Raya ialah pengurusan perbelanjaan kewangan.

Menurutnya, tanpa perancangan yang rapi, pihak penganjur atau tuan rumah akan berisiko berbelanja secara berlebihan. Tambahnya, terutamanya dalam penyediaan makanan dan hiasan dalam rumah.

"Keinginan untuk memberikan yang terbaik kepada para tamu yang datang kadangkala menyebabkan kepada pembelian yang di luar kemampuan diri



**MENGANJURKAN** rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri memerlukan persiapan awal dan rapi. Dengan perancangan yang bijak dan kerjasama semua pihak, rumah terbuka dapat dilaksanakan dengan jayanya serta meninggalkan kenangan manis kepada tuan rumah dan para tetamu yang datang.

sendiri. Hal ini boleh memberi tekanan kewangan lebih-lebih lagi jika perbelanjaan tidak dikawal sejak awal lagi.

"Oleh itu, tuan rumah disaran agar menetapkan bajet perbelanjaan mengikut keutamaan seperti makanan dan minuman terlebih dahulu sebelum membeli sebarang *deco* hiasan Hari Raya," tambahnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, perbelanjaan dapat dikawal dengan mudah sekiranya memilih menu yang sederhana bagi mengelakkan pembaziran.

Manakala pendapat Dayang Masleeza binti Muhammad berusia

43 tahun dari Kampung Sengkarai pula menjelaskan, antara cabaran dalam mengendalikan majlis Rumah Terbuka semasa musim perayaan adalah penyediaan makanan.

Jelasnya, memasak sendiri memang memberikan kepuasan dan sentuhan peribadi, namun katanya, ada kalanya memerlukan tenaga dan masa yang sangat padat. Justeru, tambahnya, alternatif lain selain memasak sendiri, kita boleh menggunakan perkhidmatan catering.

Cabaran seterusnya adalah, rumah persendirian sering menghadapi kekangan dalam



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

menyediakan sudut ruangan bagi para tamu duduk, jika jumlah tamu yang datang adalah ramai. Keadaan ruang tamu boleh menjadi sesak dan sangat padat yang mana boleh menimbulkan ketidakselesaan kepada para tamu lain.

Jelasnya, tuan rumah boleh merancang dengan lebih strategik dengan menyusun ruang dengan bijak misalnya menambah kem di halaman rumah bagi tempat duduk para tamu yang hadir dan juga bagi persediaan jika para tamu

yang datang adalah ramai. Kesimpulannya, menganjurkan rumah terbuka di rumah persendirian sempena Hari Raya Aidilfitri memerlukan persiapan awal dan rapi.

Walaupun terdapat pelbagai cabaran akan tetapi dengan perancangan yang bijak dan kerjasama semua pihak, Majlis Rumah Terbuka dapat dilaksanakan dengan jayanya serta meninggalkan kenangan manis kepada tuan rumah dan para tamu yang datang.

# Aidilfitri tanda keinsafan, kemaafan, kesyukuran

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 April. - Bagi kita di Negara Brunei Darussalam (NBD), Hari Raya Aidilfitri bukan sahaja tentang baju raya baharu atau kuih-muih raya, lebih daripada itu, ia adalah saat untuk kita kembali kepada fitrah.

Di sebalik riuh rendah takbir dan ziarah menziarahi, ada tiga nilai yang sebenarnya menjadi nadi sambutan berkenaan, iaitu keinsafan, kemaafan, dan kesyukuran.

Nilai - nilai berkenaan membuatkan Aidilfitri terasa lain daripada sambutan biasa. Perihal keinsafan, kita sambut raya setelah sebulan penuh berpuasa.

Selama bulan Ramadan, kita belajar berasa apa itu lapar, dan apa itu dahaga, juga belajar menahan diri, bukan hanya daripada makan dan minum, tetapi daripada sifat marah, hasad, dan segala yang mengotori hati.

Jadi, apabila sampai Syawal, sambutan raya bukan bermaksud kita sudah lepas daripada semua

berkenaan, akan tetapi ia adalah pengakuan bahawa kita sedang dalam proses menjadi insan yang lebih baik.

Takbir raya yang bergema dari surau dan masjid, jika dihayati, ibarat peringatan bahawa kita telah melalui satu fasa pembersihan.

Keinsafan berkenaan menjadi asas kenapa kita tidak mahu kembali kepada kebiasaan lama yang buruk, maka lahirlah amalan bermaaf-maafan.

Dalam budaya kita di NBD, bermaaf-maafan kepada kedua-dua ibu bapa dan orang tua-tua pada pagi raya adalah perkara yang paling dinantikan kerana ia bukan sekadar adat, tetapi ia mengajar kita untuk merendah diri, akur bahawa kita pernah buat silap, mungkin terkasar bahasa, atau ada hati yang tersinggung.

Aidilfitri memberi ruang untuk membersihkannya, dengan meminta maaf dan memberi maaf berkenaan, boleh mendatangkan



**AIDILFITRI** memberi ruang untuk meminta maaf dan memberi maaf, selain membuka pintu hubungan yang sempit renggang, apatah lagi dalam masyarakat kita yang menjunjung tinggi adat.

keleagaan.

Selain itu, ia membuka pintu hubungan yang sempit renggang, apatah lagi dalam masyarakat kita yang menjunjung tinggi adat, dan nilai inilah yang membuatkan rumah-rumah terbuka luas, tangan dihulur, dan senyuman menjadi hadiah paling berharga.

Setelah insaf dan bermaaf-maafan, barulah kita benar-benar dapat berasa syukur. Syukur bukan setakat ucapan 'Alhamdulillah'. Tapi syukur berkenaan nyata apabila kita mengeluarkan zakat fitrah sebelum sembahyang raya, supaya yang kurang mampu pun dapat turut sama merayakan.

Syukur berkenaan juga nyata apabila kita bersedia menerima tetamu, walaupun keadaan rumah sempit, dan penat menyediakan hidangan dan kuih-muih.

Kita sedar bahawa nikmat dapat beraya bersama keluarga dan sahabat handai berkenaan besar nilainya.

Di NBD, kita biasa melihat jiran tetangga saling mengunjungi, tidak

kira bangsa atau latar belakang. Demikian itulah sebenarnya manifestasi kesyukuran atas kurniaan keharmonian dan persaudaraan yang dijaga sekian lama.

Jadi, bagi kita di NBD, Aidilfitri

adalah satu kesatuan yang lengkap. Bulan puasa menginsafkan kita, manakala Hari Raya mengajar kita memaafkan, sementara syukur mengikat semua berkenaan dalam kehidupan seharian.

Kementerian Kesihatan  
MINISTRY OF HEALTH

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA  
Selamatkan Usus Awda

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



# Hari Kesedaran Autisme Sedunia

## Hapuskan stigma, raikan individu autisme

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Ilustrasi dan infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei, Ak. Izzan Danish Pg. Idris, penempatan penuntut Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**S**ETIAP ibu yang mengandung pasti mengimpikan melahirkan anak damit yang sihat dan sempurna. Namun, dalam sesetengah keadaan, anak yang dilahirkan mungkin mengalami Autism Spectrum Disorder, iaitu keadaan neurologi sepanjang hayat yang bermula pada peringkat awal kanak-kanak. Hal ini boleh berlaku tanpa mengira jantina, bangsa dan status sosioekonomi.

Autisme bukanlah sejenis penyakit yang boleh dirawat dengan ubat-ubatan. Diagnosis bagi individu autisme biasanya dibuat antara umur dua hingga tiga tahun. Antara ciri atau karakteristik yang ada pada individu autisme ialah keunikan dari segi mereka berkomunikasi dan berinteraksi secara sosial atau *social interaction* serta keunikan dari segi tingkah laku, minat dan aktiviti.

### Sambutan, tema

Salah satu platform penting untuk mendidik dan memperkukuhkan lagi komitmen masyarakat dalam memastikan

kebajikan individu autistik sentiasa terjaga, Negara Brunei Darussalam bersama masyarakat antarabangsa telah meraikan Hari Kesedaran Autisme Sedunia pada setiap 2 April. Pada tahun ini sambutan bertemakan 'Autisme dan Kemanusiaan - Setiap Nyawa Mempunyai Nilai', membawa mesej yang amat mendalam dan signifikan. Tema ini menegaskan bahawa setiap individu autistik mempunyai nilai, potensi dan maruah yang setara dengan individu lain serta berhak untuk hidup dalam sebuah masyarakat yang inklusif, penyayang dan menghormati kepelbagaian. Tema ini juga mengingatkan kita bahawa kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui pembangunan fizikal dan ekonomi tetapi juga melalui sejauh mana kita menghargai dan melindungi golongan yang memerlukan sokongan.

### Perutusan

Memetik perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar

sempena Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia 2026 menyatakan bahawa seramai 490 kanak-kanak telah didiagnosis dengan autisme pada tahun 2025, berbanding 272 kanak-kanak pada tahun 2024. Peningkatan ini ujar Yang Berhormat, mencerminkan tahap kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan ibu bapa, pendidik dan masyarakat, di samping keberkesanan usaha pengesanan awal melalui perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, ujar Yang Berhormat lagi peningkatan ini juga menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh, tersusun dan bersepadu dalam menangani keperluan individu autistik, termasuk memperkukuhkan sistem kesihatan melalui pengesanan awal perkembangan kanak-kanak, menyediakan intervensi yang berkesan dan berasaskan bukti serta memperluaskan akses kepada pendidikan khas dan sokongan sosial yang komprehensif.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan bahawa Autisme atau Autism Spectrum Disorder, merupakan satu keadaan perkembangan neurologi yang mempengaruhi cara seseorang berfikir,

berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain. Individu autistik, kata Yang Berhormat, mungkin menghadapi cabaran dalam komunikasi dan interaksi sosial, menunjukkan tingkah laku berulang serta mempunyai sensitiviti terhadap rangsangan deria seperti bunyi, cahaya dan sentuhan.

Individu autistik, kata Yang Berhormat, mungkin menghadapi cabaran dalam komunikasi dan interaksi sosial, menunjukkan tingkah laku berulang serta mempunyai sensitiviti terhadap rangsangan deria seperti bunyi, cahaya dan sentuhan.

### Hapuskan stigma negatif

Individu autisme juga adalah sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, orang ramai termasuk masyarakat sekeliling hendaklah menghapuskan stigma negatif terhadap individu autisme dengan tidak menyisihkan mereka malah sebaliknya semua golongan hendaklah meningkatkan kesedaran tentang autisme. Semogalah dengan adanya sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia ini akan meningkatkan lagi kesedaran, kefahaman dan penerimaan dalam kalangan masyarakat terhadap individu autisme.





# Selipar Jepun Raya

Oleh : Pena Merah  
Ilustrasi : Muhammad Al Khaliq Ali

**A**KU dengar takbir raya pagi itu dengan jelas. Maklum saja, rumahku berdekatan dengan masjid. Tak cukup dengan itu, ada juga suara ayam berkokok yang terdengar kerana jiran sebelah rumah keluargaku ada memelihara beberapa ekor ayam. Aku pandang rumah orang lain pagi itu. Meriah. Tapi rumah kami?

Sepi... Tak meriah...

Jiran-jiran terdekat didatangi tetamu. Rumah kami? Tiada. Yang ada hanyalah bau kuih bahulu yang babu bakar sejak subuh dan sejadah yang masih terbentang di ruang tamu.

Hampir setiap kali hari raya tiba, rumah kayu kami ini tak pernah didatangi oleh sanak-saudara kami. Mahu yang dekat atau yang jauh, semuanya sibuk beraya di rumah orang-orang berada saja. Sementara rumah kami, tak ada yang sudi datang walaupun kami tak pernah lupa untuk mendatangi mereka.

Aku ke ruang tamu dengan baju kurung yang sudah semakin pendek tangannya dan kainnya semakin tingkai. Aku lihat beberapa balang yang terhidang di atas meja kayu. Semuanya kuih buatan babu saja. Kuih mor, kuih bahulu, kuih tart adalah antara yang terhidang. Tak banyak. Hanya sederhana seperti raya sebelumnya.

Aku menarik nafas panjang.

Tiba-tiba bapa keluar dari bilik dengan baju Melayu lama berwarna hijau tua. Warnanya sudah tidak sekata tetapi digosok rapi. Di kakinya, kasut hitam lama yang sama sejak aku di sekolah rendah. Bapa tidak banyak bercakap. Dia hanya mengangguk kecil ke arahku.

"Bah, mari tah bajalan," katanya ringkas.

Aku tak menjawab. Aku hanya akur. Berjalan ke depan pintu utama, aku menunduk setelah menyarung selipar jepun lamaku ke kaki. Lagi-lagi, selipar ini yang

aku pakai. Lagi-lagi, selipar lama ini yang menghias kakiku. Tak pernah sekali selipar ini ditukar walaupun pernah putus berkali-kali.

Dalam perjalanan ke rumah saudara, aku berjalan sedikit di belakang. Aku berharap orang tidak memandang kaki aku. Tetapi setiap kali kami berselisih dengan jiran, matakku terasa panas. Ada yang tersenyum, ada yang sekadar mengangguk. Aku tahu, perasaan malu itu datang bukan kerana mereka tetapi kerana fikiranku sendiri.

Rumah balah bapa besar dan mewah. Kereta berbaris di halaman. Kanak-kanak berlari dengan kasut baharu yang masih berkilat. Perempuan-perempuan bercakap tentang baju, warna dan kedai tempat mereka menjahit.

Aku menanggalkan selipar di tangga.

Seorang sepupu memandang ke arah kakiku, kemudian ke wajahku. Dia tidak berkata apa-apa tetapi senyumannya membuatkan aku menunduk. Aku duduk di sudut ruang tamu, memegang sampul duit raya yang diberi tanpa benar-benar menikmati suasana.

"Di mana kau *karaja* masa ni?" tanya seorang mak cik sambil menuang air ke dalam gelas.

"Masih *balajar*," jawabku pendek.

"Oh," katanya, nada suaranya datar. "Bapamu masih *karaja* arah lamakah? *Inda* pandai naik gajinya ah?"

Aku mengangguk. Soalan itu bukanlah sindiran tetapi entah kenapa, hatiku rasa sayu bila soalan itu ditanyakan kepadaku. Aku memandang bapa yang duduk di hujung sofa sambil berbual dengan balahnya. Wajahnya tenang, seolah-olah tidak terkesan setiap kali ada mata yang memandangnya seperti sedang menghakimi penampilannya.

Sementara aku? Aku pula terasa kecil.

Ketika orang lain sibuk makan dan ketawa, aku keluar ke beranda. Selipar getah itu kembali di kakiku. Aku memijak lantai simen yang sejuk, menahan rasa yang tidak tahu hendak dinamakan apa.

Marah? Malu? Kecewa?

Aku terdengar suara bapa dari dalam.

"*Kanapa kau inda mambalikan* kasut baru untuk anakmu? Sakurang-kurangnya, *inda babaju* baru pun, kasut pun jadi *tah*. Ataupun kau *inda bausin*?" soal seseorang, nadanya terdengar bergurau tetapi penuh sindiran.

Bapa ketawa kecil. "*Inda* perlu tah kan *balabih-labih ngam raya ani*. Cukup *tah* ala kadar."

"Raya setahun sekali jua."

Bapa diam seketika sebelum menjawab, perlahan tetapi tegas,

"Pelajarannya lagi penting. Kasut *atu bulih* menunggu. Setiap *taun* ada kasut baru keluar. Nanti mun udah ia *bajaya*, *InsyaaAllah*, ia *sandiri mamilih* kasut kah, selipar kah untuk kakinya *atu*."

Aku terkaku.

Kata-kata itu seperti menampar dan memeluk aku pada masa yang sama. Aku memandang selipar jepun di kakiku. Getahnya sudah keras, warnanya pudar. Tetapi selipar inilah yang menemani aku ke kedai, ke perpustakaan, ke mana-mana aku belajar untuk keluar dari hidup yang serba kekurangan.

Tiba-tiba rasa malu itu berubah bentuk.

Aku masuk semula ke dalam rumah. Bapa memandanguku, sedikit terkejut melihat matakku merah. Aku duduk di sebelahnya, rapat, tanpa berkata apa-apa. Bapa tidak bertanya. Dia hanya menepuk lututku perlahan, satu isyarat kecil yang selalu dia buat sejak aku kecil.

Dalam perjalanan pulang, aku berjalan seiring dengan bapa. Selipar jepun berbunyi lagi tetapi kali ini bunyinya tidak

menyakitkan telinga. Ia seperti mengingatkan aku bahawa setiap langkah aku hari ini dibayar dengan penjimatan dan kesabaran bapa dan babu.

Di rumah, babu menghidangkan ketupat dan rendang. Kami makan bertiga. Tidak banyak kata tetapi suasananya hangat.

Selepas itu, aku mencium tangan bapa.

"Terima kasih," kataku perlahan.

Bapa tersenyum, sedikit terkejut. "Untuk apa?"

"Untuk semuanya."

Bapa tidak menjawab. Dia hanya mengangguk seperti biasa.

Beberapa tahun kemudian, pagi raya itu datang lagi. Kali ini, aku pulang sebagai orang yang sudah bekerja.

Di tanganku, ada sebuah kotak kasut. Aku letakkan di hadapan bapa.

Bapa membuka kotak itu perlahan-lahan.

"Kasut baru?", tanyanya.

Aku mengangguk.

Bapa memandanguku lama, kemudian ketawa kecil. "Yang lama masih *bulih* dipakai."

"Kita pakai saja, aku kan *maliat ngam* kah *inda*," kataku.

Bapa akhirnya menyarung kasut itu. Ia kemas di kakinya. Tetapi yang paling aku ingat, bukan kasut itu melainkan selipar getah jepun lama yang masih tersimpan di rumah.

Selipar itu mengajar aku satu perkara yang tidak pernah diajar di sekolah.

Bahawa ada pengorbanan yang tidak berbunyi, tidak bersinar dan tidak dipuji. Tetapi tanpanya, aku tidak akan sampai ke mana-mana. Dan setiap kali pagi raya menjelma, aku tahu, bukan apa yang kita pakai yang menentukan harga diri kita tetapi siapa yang sanggup berjalan perlahan demi masa depan orang yang dicintainya.



ISTANBUL, 2 April. - Emiriah Arab Bersatu (UAE) menggesa

## UAE GESA PBB LULUS LANGKAH TERMASUK GUNA KEKUATAN UNTUK BUKA SEMULA SELAT HORMUZ

Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) membenarkan langkah, termasuk penggunaan kekuatan untuk membuka semula

Selat Hormuz, lapor Anadolu Ajansi memetik Bloomberg pada Rabu.

Majlis perlu mengambil tindakan segera bagi memastikan pelayaran selamat di selat itu dan kawasan sekitarnya, kata Duta Mohamed Abushahab dalam surat bertarikh Selasa kepada Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres dan Presiden Majlis Keselamatan.

Negara Teluk itu secara khusus berusaha untuk menggunakan Bab 7 Piagam PBB.

Rangka kerja perundangan itu

memberi kuasa kepada majlis berkenaan untuk menangani ancaman terhadap keamanan antarabangsa melalui langkah yang merangkumi sekatan ekonomi hingga penggunaan kekuatan ketenteraan yang dibenarkan.

Selat Hormuz terjejas sejak awal Mac, apabila Republik Islam Iran bertindak menyekat laluan perairan itu sebagai tindak balas terhadap serangan AS-Israel yang bermula pada 28 Februari.

Kira-kira 20 juta tong minyak,

iaitu sekitar 20 peratus bekalan global melalui selat itu setiap hari.

Penutupannya telah menyebabkan harga minyak global meningkat, mengganggu perkapalan dan mencetuskan kebimbangan terhadap kesan ekonomi yang berpanjangan.

AS dan Israel melancarkan serangan terhadap Republik Islam Iran sejak akhir Februari, menyebabkan lebih 1,340 orang terbunuh termasuk Pemimpin Tertinggi Republik Islam Iran ketika itu, Ali Khamenei. - ©BERNAMA

## Syarikat Penerbangan Jepun naikan surcaj bahan api penerbangan antarabangsa mulai Jun

TOKYO, 2 April. - Japan Airlines (JAL) dan All Nippon Airways (ANA) dijangka menaikkan surcaj bahan api bagi penerbangan antarabangsa mulai Jun susulan kenaikan harga minyak di tengah-tengah konflik di Asia Barat, lapor Xinhua.

Surcaj bahan api bagi penerbangan ke Eropah dan Amerika Utara pada Jun dan Julai dirancang mencecah 55,000 yen (kira-kira US\$346) bagi ANA, meningkat 23,100 yen berbanding April dan Mei, manakala JAL dijangka menaikkan surcaj sebanyak 21,000 yen kepada 50,000 yen, lapor Kyodo News pada Rabu.

Bagi penerbangan ke Republik Rakyat China, surcaj ANA dijangka meningkat sebanyak 4,900 yen kepada 14,300 yen, manakala surcaj JAL akan meningkat 5,000 yen kepada 12,400 yen.

Surcaj bagi penerbangan ke Republik Korea Selatan dan Persekutuan Rusia berkemungkinan meningkat dua kali ganda bagi kedua-dua syarikat daripada sekitar 3,000 yen, sekali gus mencatat paras tertinggi di bawah sistem penetapan harga semasa.

Langkah itu dijangka menjejaskan cuti musim panas dan melemahkan permintaan perjalanan, menurut laporan itu.

Syarikat penerbangan berkenaan menyemak surcaj setiap dua bulan bagi menangani turun naik harga bahan api dan kadar pertukaran mata wang, dengan harga pada Februari dan Mac diambil kira dalam surcaj bagi Jun dan Julai. - ©BERNAMA

## Chiang Mai isytihar zon bencana kebakaran hutan di 6 daerah

BANGKOK, 1 April. - Chiang Mai di utara Thailand mengisytiharkan zon bencana kebakaran hutan di enam daerah berikutan kebakaran hutan yang semakin buruk dan jerebu yang terus menjejaskan penduduk.

Pihak berkuasa wilayah secara rasmi telah menetapkan Hot, Samoeng, Chiang Dao, Doi Saket, Mae Taeng dan Mae Wang sebagai kawasan terjejas bencana dan zon bantuan kecemasan bagi menyegerakan bantuan kepada mereka yang terkesan oleh krisis yang sedang berlaku.

Gabenor Wilayah Chiang Mai, Rattapol Naradisorn, berkata pengisytiharan itu tidak meliputi keseluruhan daerah tetapi menasaskan khusus kepada mukim dan kampung di mana kebakaran hutan berlaku, bagi memastikan peruntukan belanjawan dan sumber yang lebih cekap.

"Tujuan utama pengisytiharan ini adalah untuk membolehkan organisasi pentadbiran tempatan dan agensi kerajaan yang berkaitan menggunakan segera belanjawan dan sumber yang ada bagi memadamkan kebakaran serta membantu penduduk yang terjejas mengikut peraturan," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau menambah bahawa kebakaran hutan di enam daerah tersebut telah menjejaskan 38 mukim, 324 kampung dan 27 komuniti.

"Jika agensi tempatan menghadapi kekangan belanjawan, wilayah bersedia untuk meluluskan dana luar jangka kecemasan di bawah kuasa gabenor bagi menyokong operasi dengan segera, sekali gus memastikan tindak balas yang berterusan dan pantas terhadap krisis kebakaran hutan ini," katanya.

Rattapol berkata wilayah itu telah melaksanakan langkah proaktif yang merangkumi pencegahan, pemantauan dan pengurusan situasi, dengan lebih 20,000 sukarelawan kebakaran hutan dikerahkan ke semua 24 daerah.

Beliau menyatakan bahawa Chiang Mai telah mempertingkatkan pelan kawalan kebakaran hutan dengan memperkenalkan rondaan pada waktu malam susulan peningkatan ketara dalam aktiviti kebakaran sejak 23 Mac.

"Situasi paling kritikal berlaku pada 29 Mac, apabila titik panas melonjak kepada 1,020," katanya, sambil menambah bahawa keadaan sejak itu telah bertambah baik dengan kira-kira 355 titik panas direkodkan semalam.

Beliau berkata pelan operasi telah diselarasakan untuk menyesuaikan rondaan dengan waktu puncak kebakaran, manakala ketua-ketua daerah telah diarahkan untuk bekerjasama rapat dengan pemimpin tempatan dan badan pentadbiran bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk di kawasan berisiko tinggi.

"Matlamat utama adalah untuk menghalang kemasukan tanpa kebenaran ke kawasan hutan, sekali gus menghentikan kebakaran di punca asalnya. Pendekatan ini lebih berkesan daripada mengerahkan pasukan pemadam kebakaran yang besar ke kawasan pedalaman dan sukar diakses," tambahnya. - ©BERNAMA

## Gempa bumi 7.6 skala richter landa perairan luar Sulawesi Utara, tsunami dikesan

JAKARTA, 2 April. - Gempa bumi berukuran 7.6 pada skala Richter melanda perairan luar Bitung, Sulawesi Utara awal Khamis, dengan ombak tsunami dikesan di beberapa kawasan di timur Republik Indonesia.

Menurut Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG), gempa berlaku pada 6.48 pagi waktu tempatan dengan pusat gempa terletak pada 1.25 darjah utara dan 126.27 darjah timur, pada kedalaman 62 kilometer.

BMKG melaporkan ombak

tsunami setinggi sehingga 0.3 meter di Halmahera Barat dan 0.2 meter di Bitung, berdasarkan pemerhatian paras laut menerusi laman sesawangnya.

Agensi itu turut mengeluarkan amaran tsunami bagi beberapa kawasan, dengan meletakkan sebahagian wilayah Maluku Utara dan Sulawesi Utara, termasuk Ternate, Halmahera dan Bitung di bawah status "siaga", manakala kawasan lain diletakkan di bawah status "waspada".

BMKG menasihati pihak

berkuasa tempatan di kawasan berstatus siaga supaya membuat persediaan untuk pemindahan, manakala kawasan berstatus waspada diminta memastikan orang ramai menjauhi kawasan pantai dan tebing sungai.

Sementara itu, gegaran kuat yang berlarutan lebih satu minit dirasai di Manado, menyebabkan penduduk bergegas keluar dari kediaman masing-masing bagi mengelakkan sebarang kemungkinan bahaya, menurut laporan Agensi Berita ANTARA. - ©BERNAMA

## Kekayaan Billionair Persekutuan Rusia meningkat US\$7.7 Bilion sejak Januari - Indeks BBI

MOSCOW, 1 April. - Jumlah kekayaan gabungan usahawan terkaya Persekutuan Rusia meningkat sebanyak USD7.66 bilion sejak awal tahun ini, lapor Sputnik/RIA Novosti pada Rabu berdasarkan data Bloomberg Billionaires Index (BBI).

Bloomberg Billionaires Index dikira berdasarkan nilai pegangan saham dalam syarikat milik billionair, dengan sebahagian anggaran diperoleh daripada nisbah seperti permodalan pasaran kepada EBITDA atau harga saham kepada pendapatan

sesaham.

Kedudukan itu merangkumi 500 individu terkaya dunia termasuk 20 warga Persekutuan Rusia, dengan jumlah kekayaan bersih gabungan mereka mencecah USD298.97 bilion setakat 1 April.

Elon Musk kekal sebagai individu terkaya dunia, dengan kekayaan bersihnya meningkat sebanyak USD24.2 bilion tahun ini kepada USD644 bilion.

Larry Page berada di tempat kedua walaupun mencatat penurunan sebanyak USD21.9

bilion kepada USD247 bilion, manakala Jeff Bezos naik ke tempat ketiga meskipun kekayaannya susut sebanyak USD23.3 bilion kepada USD230 bilion.

Sergey Brin jatuh ke tempat keempat selepas kekayaan bersihnya merosot sebanyak USD20.4 bilion kepada USD230 bilion.

Melengkapkan lima teratas ialah Mark Zuckerberg, dengan kekayaannya menurun sebanyak USD30.5 bilion kepada USD203 bilion. - ©BERNAMA

## Kematian anggota UNIFIL Republik Indonesia meningkat kepada 3

JAKARTA, 1 April. - Seramai dua lagi anggota tentera Republik Indonesia terkorban dalam insiden berasingan ketika berkhidmat di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL), menjadikan angka kematian meningkat kepada tiga.

Ketua Pusat Penerangan Angkatan Tentera Nasional Indonesia (TNI), Mejar Jeneral Aulia Dwi Nasrullah mengenal pasti dua anggota itu sebagai Kapten (Inf) Zulmi Aditya Iskandar dan Sarjan Muhammad Nur Ichwan.

Beliau berkata kedua-dua anggota berkenaan terbunuh ketika mengiringi sebuah

kenderaan UNIFIL ke lokasi yang ditetapkan. Dalam kejadian itu, kenderaan yang membawa anggota TNI berkenaan meletup semasa dalam perjalanan, menyebabkan kematian.

"Terdapat letupan dalam kenderaan yang menyebabkan kematian anggota," lapor Agensi Berita ANTARA memetik kenyataan beliau. Aulia berkata dua lagi anggota iaitu Leftenan (Inf) Sulthan Wirdean Maulana dan Koperal Deni Rianto cedera dalam insiden itu.

Beliau berkata punca letupan masih belum dikenal pasti dan UNIFIL sedang menjalankan siasatan. "Bagi menentukan punca kejadian, UNIFIL kini menjalankan

siasatan. TNI terus memantau perkembangan dan menyediakan langkah kontingensi susulan situasi di kawasan misi Lubnan," katanya.

Pada Isnin, TNI memaklumkan seorang anggotanya terbunuh manakala tiga lagi cedera dalam insiden berasingan pada hari yang sama (30 Mac) susulan situasi keselamatan yang semakin meruncing di selatan Lubnan.

Anggota yang terkorban dikenal pasti sebagai Koperal Farizal Rhomadhon, manakala Koperal Rico Pramudia dilaporkan cedera parah. Dua lagi anggota, Koperal Bayu Prako dan Koperal Arif Kurniawan mengalami kecederaan ringan. - ©BERNAMA

# KEMPEN KHAS MEMASTIKAN KEMASUKAN SEKOLAH YANG ADIL, TELUS



**BEIJING, 3 April.** - Kementerian Pendidikan Republik Rakyat China telah mengeluarkan surat keliling yang menggariskan rancangan untuk kempen khas tahun 2026 bagi mempromosikan kemasukan yang adil, teratur dan telus di sekolah rendah dan menengah. Makluman tersebut menekankan akses yang sama rata

kepada pendidikan untuk kumpulan utama, menyeru pelaksanaan sepenuhnya dasar bagi memastikan anak-anak pekerja migran mendaftar di sekolah awam terutamanya berdasarkan permit kediaman.

Di kawasan yang mempunyai aliran masuk penduduk yang besar, kerajaan tempatan digesa untuk menambah bekalan tempat di sekolah awam dan meningkatkan kadar kanak-kanak migran yang bersekolah di sekolah awam.

Di samping itu, langkah-langkah khusus akan diperkenalkan untuk memudahkan pendaftaran sekolah bagi kanak-kanak daripada keluarga yang mempunyai lebih daripada seorang anak, dengan membolehkan adik-beradik yang lebih muda bersekolah di sekolah yang sama dengan abang atau kakak mereka, menurut surat keliling tersebut.

Kempen ini juga memberi

tumpuan kepada penambahbaikan perancangan sumber pendidikan yang berpandangan jauh, menurut Kementerian Pendidikan.

Pihak berkuasa akan mewujudkan pangkalan data untuk meramalkan populasi kanak-kanak usia persekolahan dan menjalankan penilaian berkala terhadap kemudahan sekolah, peruntukan guru dan peralatan di peringkat daerah untuk mengukur penawaran dan permintaan untuk slot kemasukan dengan lebih baik dan mengeluarkan amaran awal jika perlu.

Usaha juga akan dibuat untuk menyesuaikan diri dengan perubahan demografi dengan mengoptimalkan pengezonan sekolah dan melaraskan pengagihan sumber pendidikan, iaitu bacaan pekeliing.

- ©XINHUA

**PARA Pelajar semasa menghadiri kelas di sebuah sekolah rendah Daerah Heping, Tianjin, utara Republik Rakyat China.**

## Waktu kerja pejabat di Republik Rakyat Bangladesh dikurangkan, langkah penjimatan dikenal pasti atasi krisis tenaga

**DHAKA, 3 April.** - Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh memutuskan untuk mengurangkan waktu pejabat dan melaksanakan beberapa langkah penjimatan bagi menangani krisis tenaga global yang sedang berlaku, yang dicituskan oleh ketidakstabilan di Asia Barat.

Menurut United News of Bangladesh (UNB), keputusan itu diambil pada mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Tarique Rahman pada Khamis malam. Setiausaha Kabinet Nasimul Ghani mengumumkan keputusan itu pada taklimat selepas mesyuarat.

Di bawah susunan baharu, semua pejabat kerajaan dan swasta akan beroperasi dari 9 pagi hingga 4 petang mulai Ahad, berbanding jadual sedia ada.

Waktu operasi bank pula ditetapkan dari 9 pagi hingga 3 petang, manakala bank akan ditutup sepenuhnya pada 4 petang.

Dalam taklimat kepada wartawan selepas mesyuarat, Nasimul berkata perbincangan tertumpu kepada langkah menangani ketidakpastian harga bahan api dan tenaga akibat gangguan rantaian bekalan global susulan perang di Asia Barat.

"Semua pejabat mengurangkan waktu bekerja selama sejam. Kedua-dua pejabat awam dan

swasta akan beroperasi dari 9 pagi hingga 4 petang," katanya.

Sebagai sebahagian daripada langkah penjimatan tenaga, semua kedai, pasar dan pusat membeli-belah diwajibkan ditutup pada 6 petang, kecuali hotel, farmasi, kedai perkhidmatan penting dan pasar.

Beliau juga berkata arahan khusus berkaitan institusi pendidikan akan dikeluarkan mulai Ahad, mengambil kira pelbagai faktor.

Nasimul berkata kerajaan akan melaksanakan langkah penjimatan selama tiga bulan bagi mengurangkan perbelanjaan awam.

"Tiada pembelian kenderaan baharu, kapal, pesawat atau peralatan komputer akan dilakukan dalam tempoh ini," katanya.

Nasimul berkata program latihan dalaman akan dikurangkan sebanyak 50 peratus, manakala semua latihan luar negara yang dibiayai kerajaan akan digantung sehingga notis baharu dikeluarkan.

Perbelanjaan bagi mesyuarat dan seminar juga akan dikurangkan sebanyak 50 peratus.

Kerajaan akan mengurangkan penggunaan bahan api, elektrik dan gas sebanyak 30 peratus, manakala perbelanjaan perjalanan yang tidak perlu juga dikurangkan sebanyak 30 peratus.

Selain itu, beliau berkata

penggunaan lampu hiasan pada majlis sosial termasuk perkahwinan dilarang sebagai sebahagian daripada kempen penjimatan tenaga.

Beliau berkata usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan import bahan api dari sumber alternatif bagi memastikan bekalan stabil. "Inisiatif diambil untuk mengimport bahan api dari Malaysia, Republik Indonesia dan Kazakhstan."

Selain itu, kerajaan turut merangka pelan untuk memperkenalkan bas elektrik bagi pelajar sekolah sebagai ganti kenderaan persendirian. "Institusi pendidikan yang menyertai inisiatif ini boleh mengimport bas tanpa duti. Sektor swasta juga akan mendapat kemudahan ini, walaupun duti 20 peratus akan dikenakan bagi kes komersial."

Bagaimanapun, Nasimul berkata hanya bas baharu dibenarkan diimport, manakala bas terpakai tidak dibenarkan.

Mesyuarat Kabinet bermula kira-kira 8:45 malam di Bilik Kabinet Kompleks Jatiya Sangsad dan berakhir kira-kira 11:30 malam.

Mesyuarat Kabinet biasanya diadakan di Sekretariat pada Khamis, tetapi lokasi dipindahkan ke kompleks Parlimen berikutan sesi Parlimen yang sedang berlangsung. - ©BERNAMA

## Kabinet Jepun lulus dasar pengeluaran beras berasaskan permintaan

**TOKYO, 3 April.** - Kabinet Jepun meluluskan perubahan dasar beras negara itu pada Jumaat dengan beralih kepada strategi pengeluaran yang sejajar dengan permintaan, serta memperkenalkan langkah baharu bagi mencegah kekurangan bekalan, ketika harga makanan ruji itu meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, lapor Kyodo News.

Kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri Sanae Takaichi merancang untuk membentangkan rang undang-undang kepada Diet pada hari yang sama bagi meminda undang-undang berkaitan penstabilan bekalan, permintaan dan harga makanan ruji. Langkah itu menandakan perubahan daripada inisiatif pendahulunya, Shigeru Ishiba, yang sebelum ini mengembangkan pengeluaran dan eksport untuk menurunkan harga.

Perubahan itu bertujuan menstabilkan harga dengan mengelakkan lebihan pengeluaran beras serta menggalakkan syarikat menghasilkan beras berdasarkan keadaan pasaran.

Susulan kekurangan bekalan baru-baru ini yang sebahagiannya berpunca daripada kegagalan kerajaan memahami keadaan pengedaran beras serta unjuran penawaran dan permintaan, pindaan itu akan mewajibkan perniagaan berkaitan makanan melaporkan tahap stok beras mereka secara berkala.

Bagi melengkapkan simpanan beras kerajaan yang boleh dilepaskan dengan segera ketika kekurangan bekalan, syarikat swasta yang berskala besar juga akan diwajibkan menyimpan stok beras.

Dalam perkembangan yang digelar sebagai 'krisis beras Reiwa', merujuk kepada era semasa Jepun, harga beras meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut data kerajaan, harga purata bagi beg beras lima kilogram kini menunjukkan trend menurun dan berada di bawah 4,000 yen (USD25) sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

Sekiranya berlaku kekurangan bekalan, kerajaan akan mengeluarkan amaran atau mendedahkan secara terbuka nama syarikat yang gagal mematuhi arahan untuk melepaskan stok.

Menurut kerajaan, suhu tinggi yang menjejaskan bekalan serta peningkatan permintaan daripada pelancong asing antara faktor kenaikan harga beras. - ©BERNAMA

## Semeru meletus 4 kali, tiang abu setinggi 1,200m

**JAKARTA, 3 April.** - Gunung Semeru, yang terletak di sempadan Kabupaten Lumajang dan Malang di Jawa Timur, meletus empat kali pada awal Jumaat, dengan tiang abu mencecah hingga 1,200 meter (m) di atas puncak.

Menurut laporan pegawai Pos Pemerhatian Gunung Berapi Semeru Sigit Rian Alfian, letusan pertama berlaku pada 12.32 tengah malam waktu tempatan namun tiada pemerhatian visual terhadap tiang abu direkodkan.

"Aktiviti itu dikesan oleh seismograf dengan amplitud maksimum 22 milimeter (mm) dan

tempoh 155 saat," menurut laporan Agensi Berita ANTARA.

Sigit berkata letusan kedua direkodkan pada 4.02 pagi, dengan tiang abu menjulang kira-kira 1,000m di atas puncak atau 4,676m dari paras laut.

"Kepulan abu itu diperhatikan berwarna putih hingga kelabu, bergerak ke arah barat dengan intensiti tebal. Aktiviti seismik menunjukkan amplitud maksimum 23mm dan berlangsung selama 174 saat," katanya.

Semeru, gunung tertinggi di Pulau Jawa, meletus semula pada 4.20 pagi, menghantar tiang abu hingga 1,200m di atas puncak

(4,876m dari paras laut).

"Kepulan abu, yang juga berwarna putih hingga kelabu, bergerak ke arah barat daya dan barat, dengan amplitud seismik yang direkodkan 23mm dan tempoh 169 saat," katanya.

Letusan keempat berlaku pada 5.47 pagi, menghasilkan ketinggian tiang abu yang serupa kira-kira 1,200m di atas puncak.

Abu bergerak ke arah barat dengan rakaman seismik menunjukkan amplitud maksimum 23mm dan tempoh 179 saat.

Sigit berkata Semeru kekal pada status aktiviti gunung berapi Tahap III (Siaga). - ©BERNAMA

## 3 maut dalam nahas pesawat kecil di Mexico Tengah

**MEXICO CITY, 3 April.** - Sekurang-kurangnya tiga maut dan seorang cedera parah apabila sebuah pesawat kecil terhempas pada Khamis di Huejotzingo di negeri Puebla di tengah Mexico, kata pihak berkuasa, lapor Xinhua.

Menurut agensi Perlindungan Awam Puebla, pesawat itu jatuh beberapa minit setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Hermanos Serdan.

Saksi berkata pesawat itu menjunam dengan pantas berhampiran lebuhraya sebelum terhempas di tanah ladang.

Tiga orang maut di tempat kejadian manakala yang keempat dibawa ke hospital dengan kecederaan serius, kata Perlindungan Awam dalam kenyataan di Facebook.

Media tempatan melaporkan pesawat itu mungkin milik sekolah penerbangan. Identiti mangsa masih belum didedahkan dan punca nahas sedang disiasat. - ©BERNAMA



## PEMAIN TIDAK 100 PERATUS CERGAS TIDAK AKAN DISENARAI KE PIALA THOMAS - CHONG WEI

**KUALA LUMPUR, 3 April.** - Persatuan Badminton Malaysia (BAM) memberikan isyarat jelas bahawa pemain yang tidak berada pada tahap kecergasan 100 peratus, tidak akan disenaraikan bagi membawa cabaran negara pada saingan Piala Thomas 2026 di Denmark, akhir bulan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Prestasi BAM Datuk Seri Lee Chong Wei berkata biarpun Lee Zii Jia menjadi aset penting kepada skuad negara, badan induk itu tidak akan mengambil risiko menyenaraikan pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik Paris 2024 itu yang sebelum ini dibelenggu kecederaan.

Beliau berkata sekiranya kecederaan dialami Zii Jia belum pulih sepenuhnya, skuad kebangsaan bersedia menurunkan pemain lain yang benar-benar cergas bagi memastikan skuad kebangsaan kekal kompetitif sepanjang kejohanan

berpasukan itu.

"Kita tidak akan bawa pemain yang tidak 100 peratus cergas ke Piala Thomas kerana kejohanan itu sangat penting, sama seperti Piala Dunia dalam bola sepak," katanya ketika ditemui pemberita di Akademi Badminton Malaysia (ABM) di sini hari ini.

Beliau berkata Pengarah Kejurulatihan Perseorangan BAM Kenneth Jonassen kini sedang memantau situasi tersebut dan sentiasa berhubung dengan Liew Daren selaku jurulatih Zii Jia, bagi mendapatkan perkembangan terkini mengenai kecederaan buku lali yang dialami pemain itu.

Chong Wei turut memaklumkan bahawa tarikh akhir penyerahan senarai nama pemain negara ialah pada 11 April ini, sekali gus memberi masa kepada barisan kejurulatihan untuk menilai sama ada bekas juara All England itu mampu kembali cergas sepenuhnya.

"Zii Jia tidak datang latihan sebelum ini sebab cedera dan maklumat yang saya dapat, Zii Jia akan datang esok di ABM, namun masih belum pasti. Jadi kita masih belum mengetahui tahap keadaannya," kata Chong Wei.

Biarpun berdepan ketidakpastian itu, Chong Wei tetap berpuas hati terhadap perkembangan pemain perseorangan lain termasuk Leong Jun Hao dan Justin Hoh, yang menampilkan prestasi baik

dalam latihan.

Chong Wei turut mendoakan agar Zii Jia segera pulih, sambil menegaskan bahawa prestasi cemerlang pada Thomas Cup 2026 akan menjadi suntikan semangat buat pasukan kebangsaan serta kebangkitan semula pemain itu secara individu.

Piala Thomas dan Uber 2026 akan berlangsung di Horsens, Denmark dari 24 April hingga 3 Mei. - ©BERNAMA

## Malaysia berpeluang rebut kelayakan walau tewas kepada Republik Sosialis Viet Nam - Cklamovski

**KUALA LUMPUR, 1 April.** - Ketua jurulatih kebangsaan Peter Cklamovski tetap berbangga dengan semangat juang skuad Harimau Malaya meskipun tewas 1 - 3 kepada Republik Sosialis Viet Nam dalam perlawanan terakhir Kumpulan 'F' Kelayakan Piala Asia 2027 di Stadium Thien Truong, Nam Dinh, malam tadi.

Cklamovski berkata Malaysia layak untuk mara berdasarkan merit tetapi mengakui faktor di luar padang telah menjejaskan peluang pasukan.

"Melihat bagaimana prestasi mereka bermain dan berjuang malam ini di tempat lawan, di hadapan penonton yang ramai, saya sungguh berbangga dengan mereka.

"Mereka berjuang untuk diri, keluarga, dan negara serta generasi akan datang. Mereka benar-benar memberikan inspirasi untuk Malaysia," katanya dalam sidang media selepas perlawanan.

Dalam pertemuan malam tadi, jaringan kapten Do Duy Manh dan dua gol penyerang naturalisasi Nguyen Xuan Son meletakkan tuan rumah di hadapan sebelum pemain gantian Endrick Dos Santos menjaringkan penalti untuk Malaysia.

Cklamovski berkata pasukannya menunjukkan corak serangan yang memberangsangkan, terutamanya pada

separuh masa pertama, tetapi gagal memanfaatkan peluang.

"Pada separuh masa pertama... kami mencipta beberapa peluang yang amat baik dan berpeluang untuk menyamakan kedudukan 1 - 1.

"Itu akan menjadi detik yang mengubah perlawanan, tetapi kredit untuk Republik Sosialis Viet Nam kerana memanfaatkan peluang mereka dan pemain dari Brazil telah memberikan impak yang baik," kata jurulatih Australia itu.

Republik Sosialis Viet Nam menamatkan saingan dengan menduduki tempat teratas menerusi 18 mata, Malaysia di tempat kedua (sembilan mata), Republik Demokratik Rakyat Lao di tempat ketiga (enam mata) dan diikuti Nepal dengan tiga mata.

Harapan Malaysia untuk mara ke pusingan akhir Piala Asia berdasarkan merit buat kali kedua berturut-turut musnah selepas dikenakan pembedahan mata oleh Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC).

Baru-baru ini, Jawatankuasa Disiplin dan Etika AFC mendapati Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah melanggar Artikel 56 Kod Tata tertib dan Etika AFC kerana menurunkan pemain tidak layak dalam kelayakan Piala Asia 2027 menentang Nepal dan Republik Sosialis Viet Nam tahun lepas. - ©BERNAMA

## Republik Perancis unggul 'ranking' FIFA

**PARIS, 2 April.** - Republik Perancis kembali ke kedudukan teratas dunia FIFA buat kali pertama dalam tempoh hampir lapan tahun, naik ke nombor satu dalam *ranking* terbaharu yang dikeluarkan pada Rabu berikutan keputusan kukuh dalam jendela antarabangsa pada Mac, lapor Xinhua.

Kemenangan perlawanan persahabatan menentang Brazil dan Colombia melonjakkan Republik Perancis mengatasi Sepanyol dan Argentina, dengan Les Bleus merampas semula kedudukan teratas buat kali pertama sejak September 2018 dalam persaingan sengit tiga teratas yang dipisahkan hanya dengan perbezaan mata kecil.

Sepanyol, yang menduduki takhta sejak September 2025, turun ke tangga kedua selepas seri 0 - 0 dengan Republik Arab Mesir, manakala juara dunia Argentina jatuh ke tangga ketiga.

England kekal di tempat keempat, manakala Portugal naik ke tangga kelima

di hadapan Brazil selepas meraih kemenangan dan seri dalam perlawanan terbarunya, memanfaatkan kekalahan Brazil kepada Republik Perancis.

Kedudukan negara dalam 10 teratas yang lain tidak berubah, dengan Belanda, Maghribi, Belgium dan Republik Persekutuan Jerman tetap pada kedudukan mereka. Maghribi kekal di tempat kelapan dalam *ranking* dengan 1,755.87 mata, mengekalkan statusnya sebagai pasukan *ranking* tertinggi Afrika.

Senegal menyusul di tempat ke-14, dengan Nigeria (ke-26), Algeria (ke-28) dan Republik Arab Mesir (ke-29) melengkapkan lima teratas benua itu.

Pada kedudukan bawah carta, Republik Sosialis Viet Nam mencatatkan kenaikan terbesar, melonjak sembilan anak tangga ke tempat ke-99 selepas menang 3 - 1 ke atas Malaysia, manakala Malaysia mengalami kejatuhan paling teruk, jatuh 17 anak tangga ke kedudukan ke-138. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**S**EBELUM 1968, para jemaah haji yang hendak ke Mekah untuk menunaikan fardu haji akan menempuhi perjalanan masa yang panjang melalui perjalanan laut. Sejak 1969, dengan berkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, para jemaah diterbangkan dengan pesawat-pesawat syarikat penerbangan asing yang disewa khas dan kemudian menaiki pesawat-pesawat syarikat penerbangan Kebangsaan Diraja Brunei. Kerajaan Kebawah DYMM memberikan tambang percuma kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang sudah berkhidmat selama 15 tahun. Baginda juga secara peribadi mengurniakan tambang untuk menunaikan fardu haji kepada sebahagian daripada saudara-saudara baharu.

SUMBER : Buku 'Memimpin Rakyat Kekal bahagia'

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

HAPUSKAN STIGMA NEGATIF TERHADAP INDIVIDU AUTISME, TINGKATKAN KESEDARAN TENTANG AUTISME